



## TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA PENJARA 1995

### P.U. (A) 325/2000 PERATURAN-PERATURAN PENJARA 2000

Tarikh diterbitkan dalam Warta : 31 Ogos 2000  
Tarikh mula berkuatkuasa : 31 Ogos 2000

#### Mukadimah

#### BAHAGIAN 1 - PERMULAAN

- Peraturan 1. Nama dan permulaan kuat kuasa
- Peraturan 2. Tafsiran
- Peraturan 3. Prinsip-prinsip am pentadbiran penjara dan pemakaian Peraturan-Peraturan

#### BAHAGIAN 2 - PENEMPATAN

- Peraturan 4. Penempatan tempat tidur
- Peraturan 5. Penempatan wanita
- Peraturan 6. Banduan muda
- Peraturan 7. Penempatan hospital
- Peraturan 8. Sel hukuman dan sel pengasingan
- Peraturan 9. Kelengkapan dan kemudahan penempatan

#### BAHAGIAN 3 - PENERIMAAN MASUK, PEMBEBASAN, PENGALIHAN DAN JAGAAN SELAMAT BANDUAN

- Peraturan 10. Gambar banduan
- Peraturan 11. Pemeriksaan
- Peraturan 12. Merekodkan butir-butir
- Peraturan 13. Anak-anak banduan perempuan
- Peraturan 14. Penyimpanan harta
- Peraturan 15. Mandi
- Peraturan 16. Pakaian penjara
- Peraturan 17. Bergunting rambut
- Peraturan 18. Pemeriksaan perubatan
- Peraturan 19. Vaksinasi
- Peraturan 20. Penyakit yang merebak atau berjangkit
- Peraturan 21. Lembaga penerimaan
- Peraturan 22. Maklumat kepada banduan

- Peraturan 23. [Jagaan semasa pengalihan, dll.](#)
- Peraturan 24. [Pemenjaraan kerana keingkaran atau ketiadaan penjamin](#)
- Peraturan 25. [Dibebaskan pada tarikh yang sewajarnya](#)
- Peraturan 26. [Penyeliaan polis](#)
- Peraturan 27. [Hari pelepasan](#)
- Peraturan 28. [Pembebasan pada hari kelepasan](#)
- Peraturan 29. [Pemulangan pakaian dan harta](#)
- Peraturan 30. [Ganjaran dan ganjaran khas](#)
- Peraturan 31. [Penahanan selepas tarikh pembebasan yang sewajarnya](#)
- Peraturan 32. [Pengangkutan apabila dibebaskan](#)
- Peraturan 33. [Pengiraan hukuman](#)

## **BAHAGIAN 4 - PENGKATEGORIAN BANDUAN**

- Peraturan 34. [Kategori banduan](#)

## **BAHAGIAN 5 - SISTEM PERINGKAT PROGRESIF**

- Peraturan 35. [Peringkat-peringkat](#)
- Peraturan 36. [Peringkat Pertama](#)
- Peraturan 37. [Peringkat Kedua](#)
- Peraturan 38. [Peringkat Ketiga](#)
- Peraturan 39. [Peringkat Keempat](#)
- Peraturan 40. [Peringkat Khas](#)
- Peraturan 41. [Penurunan dan penangguhan kenaikan Peringkat](#)
- Peraturan 42. [Keistimewaan](#)

## **BAHAGIAN 6 - SISTEM REMITAN**

- Peraturan 43. [Remitan](#)
- Peraturan 44. [Hukuman berturut-turut dan bertindih](#)
- Peraturan 45. [Rekod remitan](#)
- Peraturan 46. [Penjelasan Sistem Remitan](#)
- Peraturan 47. [Remitan untuk banduan di hospital mental](#)
- Peraturan 48. [Remitan semasa hukuman, dll.](#)
- Peraturan 49. [Pelucutahkan pemberian remitan](#)
- Peraturan 50. [Pembebasan apabila remitan diperoleh](#)
- Peraturan 51. [Hukuman](#)
- Peraturan 52. [Pelepasan selepas pembayaran sebahagian](#)
- Peraturan 53. [Pemulangan remitan](#)
- Peraturan 54. [Laporan empat tahun sekali bagi banduan-banduan](#)

## **BAHAGIAN 7 - PEMERLAKUAN BANDUAN**

- Peraturan 55. [Tugas pengawal penjara](#)
- Peraturan 56. [Penggunaan kekerasan](#)
- Peraturan 57. [Kelengkapan tempat tidur](#)
- Peraturan 58. [Pakaian](#)
- Peraturan 59. [Kebersihan](#)
- Peraturan 60. [Diet](#)
- Peraturan 61. [Diet banduan yang belum disabitkan](#)
- Peraturan 62. [Skala diet hendaklah dipamerkan](#)
- Peraturan 63. [Makanan tambahan](#)
- Peraturan 64. [Pembaziran makanan](#)
- Peraturan 65. [Pemeriksaan bahan makanan](#)
- Peraturan 66. [Diet terhad](#)

- Peraturan 67. [Senaman](#)
- Peraturan 68. [Artikel yang tidak dibenarkan](#)
- Peraturan 69. [Merokok, dll. dilarang](#)
- Peraturan 70. [Memeriksa orang dan menggeledah kenderaan](#)
- Peraturan 71. [Penggunaan buku dan bahan bertulis oleh banduan](#)

## **BAHAGIAN 8 - PEKERJAAN BANDUAN**

- Peraturan 72. [Kehendak am bekerja](#)
- Peraturan 73. [Waktu bekerja](#)
- Peraturan 74. [Pekerjaan banduan wanita](#)
- Peraturan 75. [Rekod kerja banduan](#)
- Peraturan 76. [Penguntukan kerja](#)
- Peraturan 77. [Pengasingan banduan semasa bekerja](#)
- Peraturan 78. [Kerja pada hari kelepasan](#)
- Peraturan 79. [Pekerjaan dalam perusahaan khas](#)

## **BAHAGIAN 9 - PENDAPATAN**

- Peraturan 80. [Bayaran bagi kerja](#)
- Peraturan 81. [Gred](#)
- Peraturan 82. [Penggredan dan kenaikan gred](#)
- Peraturan 83. [Kadar pendapatan](#)
- Peraturan 84. [Simpanan](#)
- Peraturan 85. [Banduan dalam hospital](#)

## **BAHAGIAN 10 - SURAT DAN LAWATAN KEPADA BANDUAN**

- Peraturan 86. [Perhubungan banduan](#)
- Peraturan 87. [Peruntukan minimum yang biasa, mengenai surat khas dan lawatan khas](#)
- Peraturan 88. [Penundaan atau penarikan balik surat atau lawatan kerana salah laku](#)
- Peraturan 89. [Penangguhan dalam hal hukuman](#)
- Peraturan 90. [Surat dan lawatan tambahan sebagai suatu keistimewaan](#)
- Peraturan 91. [Surat sebagai ganti suatu lawatan, surat khas dan lawatan khas](#)
- Peraturan 92. [Perhubungan melalui Pegawai yang Menjaga](#)
- Peraturan 93. [Bilangan orang yang dibenarkan melawat](#)
- Peraturan 94. [Masa dan syarat-syarat lawatan](#)
- Peraturan 95. [Lawatan pada hari kelepasan mingguan tidak dibenarkan](#)
- Peraturan 96. [Perhubungan oleh bekas banduan](#)
- Peraturan 97. [Penapisan surat](#)
- Peraturan 98. [Penyeliaan lawatan](#)
- Peraturan 99. [Makanan dari luar](#)
- Peraturan 100. [Butir-butir lawatan dan kuasa Pegawai yang Menjaga](#)
- Peraturan 101. [Lawatan oleh penasihat undang-undang](#)
- Peraturan 102. [Lawatan oleh pegawai polis](#)
- Peraturan 103. [Penyampaian writ dsb.](#)
- Peraturan 104. [Surat dan lawatan kepada penghutang](#)
- Peraturan 105. [Surat dan lawatan kepada banduan yang belum disabitkan](#)
- Peraturan 106. [Surat dan lawatan kepada banduan yang dibuang negeri](#)
- Peraturan 107. [Surat dan lawatan kepada banduan yang dijatuhi hukuman mati](#)
- Peraturan 108. [Banduan yang dikomitkan kerana keingkanan membayar denda, dsb.](#)
- Peraturan 109. [Banduan yang sakit](#)
- Peraturan 110. [Lawatan kepada banduan hukuman lama](#)
- Peraturan 111. [Pelepasan banduan secara lesen](#)
- Peraturan 112. [Cara-cara perhubungan yang lain](#)

## **BAHAGIAN 11 - PETISYEN DAN ADUAN**

- Peraturan 113. Petisyen
- Peraturan 114. Petisyen oleh banduan hukuman mati
- Peraturan 115. Aduan oleh banduan
- Peraturan 116. Permintaan oleh banduan untuk berjumpa Ketua Pengarah atau Hakim Pelawat
- Peraturan 117. Permohonan oleh banduan

## **BAHAGIAN 12 - KESALAHAN, HUKUMAN DAN PEMBELENGGUAN**

- Peraturan 118. Pegawai yang Menjaga untuk menguruskan laporan
- Peraturan 119. Pengasingan banduan yang dilaporkan
- Peraturan 120. Maklumat kepada banduan yang dilaporkan
- Peraturan 121. Kesalahan terhadap tata tertib penjara hendaklah dilaporkan dan disiasat
- Peraturan 122. Kesalahan kecil penjara
- Peraturan 123. Kesalahan besar penjara
- Peraturan 124. Hukuman yang diawardkan oleh Pegawai yang Menjaga bagi kesalahan kecil penjara
- Peraturan 125. Hukuman yang diawardkan oleh Pegawai yang Menjaga bagi kesalahan besar penjara
- Peraturan 126. Pemeriksaan perubatan bagi banduan yang diaward hukuman
- Peraturan 127. Pakaian dan kelengkapan tempat tidur bagi banduan yang menjalani hukuman
- Peraturan 128. Diet penuh selepas 3 hari memakan diet terhad
- Peraturan 129. Tempoh maksimum bagi pengurungan rapi dalam satu tahun
- Peraturan 130. Melawat banduan dalam kurungan rapi
- Peraturan 131. Hukuman sebat
- Peraturan 132. Menjalankan hukuman
- Peraturan 133. Kedah-kaedah bagi mengenakan hukuman sebat
- Peraturan 134. Peremitan hukuman sebat
- Peraturan 135. Rekod hukuman sebat
- Peraturan 136. Penyata hukuman sebat
- Peraturan 137. Rekod hukuman
- Peraturan 138. Pendakwaan dalam mahkamah
- Peraturan 139. Alat belenggu
- Peraturan 140. Pengurungan sementara dalam sel khas

## **BAHAGIAN 13 - KELARIAN**

- Peraturan 141. Menjaga tangga, papan, dsb.
- Peraturan 142. Tindakan sekiranya ada kejadian kelarian
- Peraturan 143. Pengawasan khas banduan yang lepas lari
- Peraturan 144. Tempoh pemelarian tidak boleh dikira sebagai sebahagian daripada hukuman

## **BAHAGIAN 14 - AJARAN AGAMA DAN PENDIDIKAN**

- Peraturan 145. Banduan kena menyatakan anutan agama
- Peraturan 146. Pertukaran agama
- Peraturan 147. Pendidikan agama
- Peraturan 148. Amalan dan ajaran agama
- Peraturan 149. Lawatan oleh kakitangan agama atau anggota lain persatuan agama
- Peraturan 150. Buku agama

## **BAHAGIAN 15 - PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN AM**

- Peraturan 151. Kelas pendidikan
- Peraturan 152. Perpustakaan

Peraturan 153. [Bahan bacaan](#)  
Peraturan 154. [Ceramah dan konsert, dsb.](#)  
Peraturan 155. [Latihan fizikal dan rekreasi](#)  
Peraturan 156. [Guru sukrela](#)

## **BAHAGIAN 16 - PERAYU**

Peraturan 157. [Perayu](#)  
Peraturan 158. [Permohonan oleh perayu](#)  
Peraturan 159. [Pemerlakuan perayu](#)  
Peraturan 160. [Surat dan kemudahan untuk merayu](#)  
Peraturan 161. [Jagaan perayu](#)  
Peraturan 162. [Pembayaran bagi kerja kepada perayu](#)  
Peraturan 163. [Tempoh yang dihabiskan sebagai perayu dikira dalam mengira hukuman](#)  
Peraturan 164. [Perayu tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini](#)

## **BAHAGIAN 17 - BANDUAN YANG BELUM DISABITKAN**

Peraturan 165. [Pengasingan daripada orang yang disabitkan](#)  
Peraturan 166. [Pekerjaan](#)  
Peraturan 167. [Makanan dan keperluan lain](#)  
Peraturan 168. [Pakaian dan kelengkapan tempat tidur](#)  
Peraturan 169. [Diet penjara](#)  
Peraturan 170. [Penasihat perubatan persendirian](#)  
Peraturan 171. [Lawatan](#)  
Peraturan 172. [Penyahjangkitan pakaian](#)  
Peraturan 173. [Banduan yang belum disabitkan tidak memperoleh remitan](#)  
Peraturan 174. [Banduan yang dipertuduh dengan kesalahan yang dihukum mati](#)  
Peraturan 175. [Pelucutahan keistimewaan](#)

## **BAHAGIAN 18 - BANDUAN DI BAWAH HUKUMAN MATI**

Peraturan 176. [Pemeriksaan dan penempatan](#)  
Peraturan 177. [Lawatan oleh kakitangan agama](#)  
Peraturan 178. [Surat](#)  
Peraturan 179. [Lawatan](#)  
Peraturan 180. [Pakaian, makanan, dsb.](#)  
Peraturan 181. [Pekerjaan dan kebersihan diri](#)  
Peraturan 182. [Pelaksanaan hukuman mati](#)

## **BAHAGIAN 19 - LEMBAGA HAKIM PELAWAT**

Peraturan 183. [Lawatan oleh Hakim Pelawat](#)  
Peraturan 184. [Hendaklah diiringi oleh pegawai penjara](#)  
Peraturan 185. [Aduan oleh banduan](#)  
Peraturan 186. [Pemeriksaan banduan](#)  
Peraturan 187. [Penyalahgunaan](#)  
Peraturan 188. [Buku Minit](#)

## **BAHAGIAN 20 - BANTUAN KEPADA BANDUAN SELEPAS DIBEBASKAN DAN MENOLONG MEREKA SETELAH DIBEBASKAN**

Peraturan 189. [Objektif](#)  
Peraturan 190. [Penubuhan Lembaga Pembebasan](#)  
Peraturan 191. [Temubual dengan banduan](#)  
Peraturan 192. [Bantuan khas](#)

Peraturan 193. [Pekerjaan](#)

## **BAHAGIAN 21 - TUGAS-TUGAS KETUA PENGARAH, DLL.**

### *Penggal I --- Ketua Pengarah*

Peraturan 194. [Pemeriksaan dan laporan mengenai penjara](#)

Peraturan 195. [Peraturan-peraturan dan keseragaman hendaklah dikuatkuasakan](#)

Peraturan 196. [Tugas semasa melawat](#)

Peraturan 197. [Perintah Tetap Ketua Pengarah](#)

### *Penggal II --- Pengawai Yang Menjaga*

Peraturan 198. [Tugas Pengawai yang Menjaga](#)

Peraturan 199. [Pentadbiran penjara](#)

Peraturan 200. [Kawalan pegawai](#)

Peraturan 201. [Jurnal](#)

Peraturan 202. [Penyenggaraan rekod](#)

Peraturan 203. [Pemeriksaan penjara](#)

Peraturan 204. [Aduan, dsb. oleh banduan](#)

Peraturan 205. [Pemeriksaan makanan](#)

Peraturan 206. [Memastikan Akta, peraturan-peraturan dan perintah dipatuhi](#)

Peraturan 207. [Menemu bual banduan sewaktu diterima masuk](#)

Peraturan 208. [Penggeledahan](#)

Peraturan 209. [Perbarisan banduan](#)

Peraturan 210. [Kematian banduan](#)

Peraturan 211. [Majistret hendaklah diberitahu](#)

Peraturan 212. [Syor oleh Pegawai Perubatan](#)

Peraturan 213. [Banduan celaru mental](#)

Peraturan 214. [Nyawa banduan dalam bahaya kerana dipenjarakan](#)

Peraturan 215. [Pelawat-pelawat melihat sesuatu penjara](#)

Peraturan 216. [Memeriksa pegawai penjara, Pengawai Perubatan dan lain-lain lagi](#)

Peraturan 217. [Buku-buku](#)

Peraturan 218. [Memeriksa bangunan, jentera, dsb.](#)

Peraturan 219. [Petisyen oleh banduan](#)

Peraturan 220. [Harta banduan](#)

Peraturan 221. [Permintaan daripada penyelenggara setor](#)

Peraturan 222. [Meninggalkan penjara](#)

Peraturan 223. [Jagaan penjara dalam hal pegawai yang Menjaga tiada](#)

Peraturan 224. [Laporan kepada Ketua Pengarah](#)

Peraturan 225. [Tindakan dalam hal kecemasan](#)

Peraturan 226. [Rujukan kepada Ketua Pengarah](#)

Peraturan 227. [Anggaran tahunan](#)

Peraturan 228. [Kawalan perbelanjaan](#)

Peraturan 229. [Laporan tahunan mengenai penjara](#)

### *Penggal III --- Pegawai Perubatan*

Peraturan 230. [Pegawai Perubatan Residen dan kehadiran di penjara](#)

Peraturan 231. [Pemeriksaan banduan dan lawatan kepada banduan](#)

Peraturan 232. [Buku Kes dan Jurnal](#)

Peraturan 233. [Laporan banduan celaru mental](#)

Peraturan 234. [Banduan yang sakit](#)

Peraturan 235. [Banduan yang tidak sihat bagi penjara, dsb.](#)

Peraturan 236. [Pemeriksaan penjara, dsb.](#)

Peraturan 237. [Kematian seseorang banduan](#)

- Peraturan 238. Pemeriksaan makanan, air, pakaian, dsb.  
Peraturan 239. Lawatan kepada banduan atas pertuduhan yang dihukum mati  
Peraturan 240. Laporan hendaklah dibuat mengenai banduan yang dipertuduh dengan hukuman mati  
Peraturan 241. Pemerhatian perubatan banduan  
Peraturan 242. Penyakit yang berjangkit atau merebak  
Peraturan 243. Pegawai Perubatan hendaklah melaporkan perkara-perkara tertentu  
Peraturan 244. Peraturan-peraturan hendaklah difahami dengan benar-benar

*Penggal IV --- Pegawai Pergigian*

- Peraturan 245. Pegawai Pergigian

*Penggal V --- Pegawai Penjara*

- Peraturan 246. Pengambilan masuk  
Peraturan 247. Boleh dikenakan berkhidmat di mana-mana penjara  
Peraturan 248. Rumah kerajaan  
Peraturan 249. Pegawai yang sakit  
Peraturan 250. Tidak hadir bertugas  
Peraturan 251. Memeriksa pegawai penjara  
Peraturan 252. Mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan, dsb. dan perintah-perintah  
Peraturan 253. Pelawat ke penjara  
Peraturan 254. Perhubungan yang tidak dibenarkan kepada akhbar  
Peraturan 255. Fi, ganjaran, dll. yang tidak dibenarkan  
Peraturan 256. Mempunyai kepentingan dalam kontrak penjara dilarang  
Peraturan 257. Laporan salah laku, dsb.  
Peraturan 258. Perhubungan dengan saudara-mara banduan  
Peraturan 259. Surat akuan tidak boleh diberikan kepada banduan  
Peraturan 260. Perdagangan dengan banduan  
Peraturan 261. Tembakau atau arak  
Peraturan 262. Pegawai rendah penjara tidak boleh menghukum banduan  
Peraturan 263. Tidak boleh memasuki sel banduan pada waktu malam  
Peraturan 264. Berbual-bual atau berhubung rapat dengan banduan  
Peraturan 265. Aduan atau permohonan oleh banduan  
Peraturan 266. Jagaan selamat bagi banduan  
Peraturan 267. Menyerahkan tugas  
Peraturan 268. Kaedah-kaedah berkenaan dengan penggunaan senjata api  
Peraturan 269. Memeriksa kunci  
Peraturan 270. Banduan tidak boleh ditinggalkan  
Peraturan 271. Pelawat ke penjara  
Peraturan 272. Banduan yang nampaknya uzur  
Peraturan 273. Tugas tata tertib  
Peraturan 274. Pegawai penjara wanita

**BAHAGIAN 22 - PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB DAN LEMBAGA TATATERTIB**

- Peraturan 275. Pemakaian P.U.(A) 395/93 dan P.U.(A) 396/93

**BAHAGIAN 23 - KUMPULAN WANG HADIAH PEGAWAI PENJARA**

- Peraturan 276. Pentadbiran dan penggunaan Kumpulan Wang  
Peraturan 277. Wang terakru  
Peraturan 278. Kos pengurusan dan pengendalian  
Peraturan 279. Pembayaran  
Peraturan 280. Pembayaran hadiah tidak boleh melebihi had tertentu dan hendaklah disiarkan

Peraturan 281. [Pemberian kepada kumpulan wang kebajikan, pusat rekreasi dan kelab](#)  
Peraturan 282. [Akuan](#)

## **BAHAGIAN 24 - PEMBATALAN**

Peraturan 283. [Pembatalan](#)

[JADUAL PERTAMA](#)

[JADUAL KEDUA](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

## **Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 67 Akta Penjara 1995 [*Akta 537*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut :

### **BAHAGIAN 1 – PERMULAAN**

#### **Peraturan 1. Nama dan permulaan kuat kuasa**

- (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penjara 2000**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 September 2000.

### **BAHAGIAN 1 – PERMULAAN**

#### **Peraturan 2. Tafsiran**

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain ---

" banduan hukuman lama " ertinya seseorang banduan yang dihukum penjara bagi suatu tempoh atau yang melebihi enam bulan atau bagi tempoh berturut-turut yang jumlahnya ialah atau melebihi enam bulan ;

" banduan hukuman singkat " ertinya seseorang banduan yang dihukum penjara bagi suatu tempoh kurang daripada enam bulan atau bagi tempoh berturut-turut yang jumlahnya kurang daripada enam bulan ;

" banduan yang belum disabitkan " ertinya seseorang yang ---

- (a) dikurung di bawah proses sivil ;
- (b) ditahan secara reman yang dituduh melakukan sesuatu jenayah atau kesalahan ;
- (c) dikomitkan untuk dibicarakan ;
- (d) dikurung kerana tiada penjamin ; atau
- (e) dikurung di bawah seksyen 4 Akta Buang Negeri 1959 [*Akta 79*] ;

" banduan yang disabitkan " ertinya banduan yang telah disabitkan oleh mahkamah dan telah dihukum dengan pemenjaraan ;

" hari kelepasan mingguan " mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam Akta Hari Kelepasan 1951 [*Akta 369*] ;

" penjaga pintu " termasuklah mana-mana pegawai rendah atau pegawai kanan penjara yang menjaga pintu utama sesuatu penjara ;

" Skim Pendapatan " ertinya suatu skim pembayaran yang dikawal selia dalam Bahagian 9 Peraturan-Peraturan ini.

## **Peraturan 3. Prinsip-prinsip am pentadbiran penjara dan pemakaian Peraturan-Peraturan**

(1) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai, dengan memberikan kelonggaran wajar kerana perbezaan watak dan cara tata tertib yang dipatuhi oleh berbagai-bagi jenis banduan, mengikut prinsip-prinsip yang berikut :

- (a) tata tertib dan kententeraman hendaklah dikekalkan dengan adil tetapi tegas tanpa mengenakan sekatan yang melebihi daripada yang dikehendaki bagi jagaan selamat dan bagi memastikan kehidupan bermasyarakat yang teratur ;
- (b) dalam mengawal banduan-banduan, pengawai penjara hendaklah berusaha untuk mempengaruhi banduan-banduan itu melalui contoh teladan dan kepimpinan mereka sendiri, dan untuk mendapatkan kerjasama secara sukarela daripada mereka ; dan
- (c) pada setiap masa pemerlakuan terhadap banduan-banduan itu hendaklah dibuat sedemikian untuk menggalakkan mereka menghormati kendiri dan mempunyai perasaan tanggungjawab ke atas diri sendiri, supaya semangat mereka dapat dibina semula, untuk menyemai dalam diri mereka tabiat kewarganegaraan yang baik dan bekerja dengan tekun, untuk menggalakkan mereka supaya hidup dengan baik dan berguna setelah dibebaskan dan untuk menyesuaikan mereka untuk berbuat demikian.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi tiap-tiap banduan.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), peruntukan mana-mana Bahagian Peraturan-Peraturan ini yang berhubungan dengan mana-mana kategori banduan yang tertentu hendaklah, jika peruntukan untuk Bahagian itu bercanggah atau tidak selaras dengan mana-mana peruntukan lain Peraturan-Peraturan ini, terpakai bagi banduan kategori itu.

## **BAHAGIAN 2 – PENEMPATAN**

### **Peraturan 4. Penempatan tempat tidur**

(1) Tiap-tiap banduan hendaklah, sekiranya dibenarkan oleh penempatan penjara, dikurung pada waktu malam di dalam sel, dormitori atau wad yang berasingan yang telah diperakui oleh Pegawai Perubatan.

(2) Sekiranya perlu bagi sebab-sebab khas, Ketua Pengarah boleh membenarkan penempatan tidak lebih daripada tiga banduan di dalam sel.

### **Peraturan 5. Penempatan wanita**

(1) Banduan lelaki dan perempuan hendaklah ditempatkan berasingan sama sekali antara satu sama lain dan hendaklah dikurung di dalam bangunan yang berlainan.

(2) Wad, sel, dormitori dan halaman di mana banduan wanita dikurung hendaklah, jika boleh, dikunci dengan kunci yang lain daripada yang digunakan untuk mengunci wad, sel, dormitori dan halaman yang diuntukkan kepada banduan lelaki.

(3) Banduan wanita hendaklah dalam semua hal dijaga oleh pegawai penjara wanita.

(4) Seseorang pegawai penjara lelaki tidak boleh memasuki sesuatu penjara atau bahagian

penjara yang telah diuntukkan untuk kegunaan banduan wanita kecuali sewaktu bertugas dan dengan ditemani seorang pegawai penjara wanita.

## **Peraturan 6. Banduan muda**

- (1) Banduan yang ternyata pada Pegawai yang Menjaga merupakan seorang banduan muda, sama ada lelaki ataupun perempuan, hendaklah ditempatkan berasingan daripada banduan dewasa.
- (2) Seseorang banduan yang mengistiharkan dirinya berumur lebih daripada dua puluh satu tahun tetapi yang, pada pendapat Pegawai yang Menjaga dan Pegawai Perubatan tidak sepertutnya, setelah mengambil kira perwatakan, resam tubuh dan latar belakangnya, dikelaskan bersama dengan banduan dewasa, hendaklah diperlakukan sebagai seorang banduan muda.

## **Peraturan 7. Penempatan hospital**

Dalam tiap-tiap penjara suatu bilik sakit atau tempat yang sesuai untuk penerimaan banduan-banduan yang sakit hendaklah disediakan.

## **Peraturan 8. Sel hukuman dan sel pengasingan**

- (1) Dalam tiap-tiap penjara, sel khas hendaklah disediakan atau diuntukkan bagi pengurungan banduan-banduan yang menjalani hukuman bagi kesalahan penjara atau yang diasangkan untuk mengekalkan keadaan dan tatatertib yang baik bagi sesuatu penjara.
- (2) Tiap-tiap sel sedemikian hendaklah diperakui oleh Pegawai Perubatan bahawa sel itu boleh digunakan sebagai sel hukuman atau sel pengasingan.

## **Peraturan 9. Kelengkapan dan kemudahan penempatan**

Pegawai yang Menjaga boleh menentukan apa-apa kelengkapan atau kemudahan yang boleh ditempatkan di-dalam sel atau dormitori.

## **BAHAGIAN 3 - PENERIMAAN MASUK, PEMBEBASAN, PENGALIHAN DAN JAGAAN SELAMAT BANDUAN**

## **Peraturan 10. Gambar banduan**

Apabila diterima masuk, dan dari semasa ke semasa sebagaimana yang dikehendaki, tiap-tiap banduan hendaklah diambil gambarnya dan nama, umur, ketinggian, berat, tanda-tanda tertentu, perawakan amnya dan maklumat lain, jika ada, hendaklah direkodkan ke dalam Rekod Banduan.

## **Peraturan 11. Pemeriksaan**

- (1) Tiap-tiap banduan hendaklah diperiksa apabila diterima masuk dan pada bila-bila masa kemudiannya sebagaimana yang diarahkan, dan semua artikel yang tidak dibenarkan hendaklah diambil daripadanya.
- (2) Pemeriksaan seseorang banduan hendaklah dijalankan dengan mengambil kira kesopanan dan hormat kendiri, dan dengan cara yang selaras dengan keperluan mencari apa-apa artikel yang disembunyikan.
- (3) Tiada banduan boleh dilucutkan pakaianya dan diperiksa di hadapan seorang banduan lain.
- (4) Tiada banduan boleh diperiksa kecuali oleh pegawai penjara yang sama jantinnya dengan banduan yang diperiksa.

## **Peraturan 12. Merekodkan butir-butir**

Apabila diterima masuk ke dalam penjara seseorang banduan yang disabitkan dengan kesalahan yang boleh didaftarkan sebagaimana yang difikirkan oleh Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang yang Tak Diingini 1969 [ Akta 7], atau yang diperintahkan supaya dibuang negeri, sekeping gambar dan cap jari banduan itu hendaklah diambil dan suatu perihal dibuat dalam borang yang berkenaan dan dikemukakan kepada Pendaftar Penjenayah.

## **Peraturan 13. Anak-anak banduan perempuan**

- (1) Seseorang kanak-kanak di bawah umur tiga tahun boleh diterima masuk bersama dengan ibunya oleh Ketua Pengarah.
- (2) Mana-mana kanak-kanak yang diterima masuk bersama dengan ibunya di bawah peraturan ini boleh diperuntukkan dengan keperluan asas bagi saraan dan jagaan kanak-kanak itu oleh Ketua Pengarah.
- (3) Apabila mana-mana kanak-kanak dianggap telah mencapai umur tiga tahun, Pegawai Perubatan hendaklah melaporkan sekiranya wajar atau perlu supaya kanak-kanak itu terus disimpan lebih lama.
- (4) Kecuali dengan kebenaran khas Ketua Pengarah, seseorang kanak-kanak tidak boleh diletakkan di dalam penjara bersama dengan ibunya selepas mencapai umur empat tahun.
- (5) Apabila seseorang kanak-kanak mencapai umur tiga atau empat tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pegawai yang Menjaga hendaklah merujuk kepada Ketua Pengarah untuk arahan sekiranya Pegawai yang Menjaga mengetahui tiada saudara-mara yang sanggup atau dalam kedudukan untuk menerima kanak-kanak itu.

## **Peraturan 14. Penyimpanan harta**

- (1) Kecuali dalam hal orang yang ditahan untuk jagaan selamat, pakaian persendirian, wang dan segala artikel lain dalam milikan, atau yang dihantar kepada mana-mana banduan, yang tidak dibenarkan secara nyata oleh Peraturan-Peraturan ini, hendaklah diambil daripada banduan itu.
- (2) Harta sedemikian hendaklah dibuat inventori dalam Daftar Harta Banduan, yang hendaklah ditandatangani oleh banduan yang berkenaan yang memperakui ketepatannya.
- (3) Apa-apa artikel daripada jenis yang mudah rosak atau berbahaya bolehlah dimusnahkan.

## **Peraturan 15. Mandi**

Tiap-tiap banduan hendaklah mandi apabila diterima masuk, dan selepas daripada itu setiap hari melainkan jika Pegawai Perubatan mengarahkan selainnya.

## **Peraturan 16. Pakaian penjara**

- (1) Kecuali bagi banduan yang belum disabitkan, semua banduan hendaklah memakai pakaian penjara.
- (2) Semua pakaian hendaklah ditandakan mengikut pengkategorian yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Peraturan-Peraturan ini atau sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengaroh.

## **Peraturan 17. Bergunting rambut**

- (1) Semua banduan yang disabitkan hendaklah bergunting rambut pendek dan janggut, jambang dan misai mereka (jika ada) dipotong rapi, dan mereka yang tidak berjanggut, berjambang dan bermisai, atau yang bermisai sahaja, hendaklah bercukur sekirap yang perlu bagi memelihara penampilan yang bersih dan sopan.
- (2) Rambut seseorang banduan wanita tidak boleh dipotong selepas penerimaan masuk atau kemudiannya tanpa keizinannya kecuali jika Pegawai Perubatan atau Pegawai yang Menjaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, menganggap bahawa pemotongan itu perlu bagi sebab kesihatan, kebersihan atau keselamatan.
- (3) Rambut banduan yang belum disabitkan boleh disimpan setakat yang dibenarkan oleh kebersihan, dalam keadaan yang sama sebagaimana keadaannya semasa diterima masuk.
- (4) Mana-mana banduan Asia yang dihukum penjara bagi apa-apa tempoh yang melebihi satu bulan yang mempunyai tabiat bercukur kepala, hendaklah dibenarkan supaya kepalanya dicukur sekali seminggu.
- (5) Rambut banduan berbangsa Sikh tidak boleh dipotong tanpa perintah secara bertulis daripada Pegawai yang Menjaga, yang perintahnya tidak boleh dibuat kecuali atas alasan keperluan yang diperakui oleh Pegawai Perubatan.

## **Peraturan 18. Pemeriksaan perubatan**

- (1) Tiap-tiap banduan hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas diterima masuk, diperiksa secara berasingan oleh Pegawai Perubatan, yang hendaklah mencatatkan ke dalam Rekod Banduan butir-butir mengenai keadaan kesihatan banduan dan apa-apa butir lain sebagaimana yang difikirkannya perlu.
- (2) Tiada seorang pun banduan boleh dihantar untuk bekerja sehingga Pegawai Perubatan memperakui bahawa dia sihat untuk melaksanakan kerja itu.
- (3) Tiap-tiap banduan hendaklah diperiksa oleh Pegawai Perubatan sebelum dibebaskan atau dialihkan ke penjara yang lain.
- (4) Pegawai Perubatan boleh, dengan kelulusan Pegawai yang Menjaga, pada bila-bila masa mengatur supaya mana-mana banduan menjalani apa-apa ujian perubatan sebagaimana yang difikirkannya patut.
- (5) Seseorang banduan yang telah sampai masa untuk dibebaskan yang menghidap apa-apa penyakit yang akut atau berbahaya hendaklah dipindahkan ke hospital kerajaan.

## **Peraturan 19. Vaksinasi**

Seseorang banduan boleh divaksin atau divaksin semula mengikut arahan Pegawai Perubatan.

## **Peraturan 20. Penyakit yang merebak atau berjangkit**

Jika mana-mana banduan didapati mempunyai apa-apa penyakit yang merebak atau berjangkit, atau diserang dengan vermin, suatu laporan hendaklah dibuat dengan serta-merta kepada Pegawai Perubatan yang di bawah arahannya langkah-langkah hendaklah diambil untuk merawat keadaan itu dan untuk mencegahnya daripada merebak kepada banduan-banduan lain.

## **Peraturan 21. Lembaga penerimaan**

- (1) Di tiap-tiap penjara maka hendaklah ada suatu Lembaga Penerimaan yang terdiri daripada Pegawai yang Menjaga dan mana-mana orang lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, yang hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas banduan itu diterima ke dalam penjara, menemu bual tiap-tiap banduan, dan menimbangkan perkiraan yang hendak dibuat untuk latihannya.
- (2) Lembaga Penerimaan hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas penerimaan, mengklasifikasikan semua banduan yang dihukum penjara, dengan mengambil kira umur, perwatakan dan sejarah terdahulu mereka.

## **Peraturan 22. Maklumat kepada banduan**

Suatu ringkasan bercetak dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu Peraturan-Peraturan ini yang berhubungan dengan pemerlakuan dan kelakuan banduan, berserta suatu salinan diet penjara hendaklah ditampalkan pada tempat-tempat yang boleh didatangi oleh banduan dan peraturan-peraturan dan diet itu hendaklah dibaca kepada banduan-banduan yang tidak boleh membaca dalam masa dua puluh empat jam selepas diterima masuk dan selepas itu sekali bagi tiap-tiap tempoh tiga bulan yang berikutnya.

## **Peraturan 23. Jagaan semasa pengalihan, dll.**

Seseorang banduan yang sedang dialihkan atau dipindahkan dari satu penjara ke suatu penjara yang lain hendaklah, semasa berada di luar penjara itu, diletakkan di bawah jagaan pegawai penjara yang diarahkan untuk menghantarnya dan hendaklah disifatkan sebagai berada dalam jagaan sah Pegawai yang Menjaga bagi penjara di mana pegawai penjara itu sedang berkhidmat.

## **Peraturan 24. Pembenjaraan kerana keingkaran atau ketiadaan penjamin**

Seseorang banduan yang dikomitkan ke dalam penjara kerana ingkar membayar sejumlah wang atau kerana ketiadaan penjamin hendaklah, apabila diterima masuk diberitahu tentang cara yang menurutnya dia boleh mendapatkan pelepasannya tetapi sehingga dia mendapatkan pelepasannya tiap-tiap banduan sedemikian hendaklah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini.

## **Peraturan 25. Dibebaskan pada tarikh yang sewajarnya**

Pegawai yang menjaga hendaklah bertanggungjawab terutamanya bagi pembebasan yang sewajarnya semua banduan sebaik sahaja mereka menjadi berhak untuk dibebaskan sama ada kerana habisnya tempoh hukuman, pembayaran denda, pengampunan atau peringangan hukuman, atau remitan hukuman yang diperoleh di bawah Peraturan-Peraturan ini dan untuk memastikan ketepatan berkenaan dengan remitan itu, dia hendaklah, sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh pembebasan, memeriksa remitan yang diperoleh oleh setiap banduan.

## **Peraturan 26. Penyeliaan polis**

Pegawai yang Menjaga hendaklah seminggu sebelum pembebasan mana-mana banduan yang telah diarahkan supaya tertakluk kepada penyeliaan polis bagi apa-apa tempoh yang bermula dari habisnya apa-apa hukuman yang dijatuhi terhadapnya memaklumkan Pendaftar Penjenayah tentang hari dan masa yang pembebasan itu dijangkakan berlaku, dan hendaklah seterusnya menanyakan banduan itu tentang tempat manakah dia bercadang untuk tuju selepas pembebasan dan memberitahu Pendaftar Penjenayah mengenai jawapan banduan terhadap soalan itu.

## **Peraturan 27. Hari pelepasan**

Seseorang banduan hendaklah dilepaskan dari penjara pada waktu pagi hari yang di bawah Peraturan-Peraturan ini dia sewajarnya dilepaskan.

## **Peraturan 28. Pembebasan pada hari kelepasan**

Jika tarikh pelepasan seseorang banduan jatuh pada hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am, banduan itu hendaklah dilepaskan pada hari yang sebelumnya.

## **Peraturan 29. Pemulangan pakaian dan harta**

Apabila seseorang banduan dibebaskan, segala artikel pakaian dan harta hendaklah dipulangkan kepadanya, melainkan jika didapati perlu untuk dimusnahkan apa-apa artikel pakaian, yang dalam hal itu dia hendaklah diberikan apa-apa pakaian yang sesuai.

## **Peraturan 30. Ganjaran dan ganjaran khas**

(1) Suatu ganjaran mengikut Sistem Peringkat Progresif hendaklah dibayar apabila dilepaskan kepada tiap-tiap banduan yang dihukum penjara (sama ada hukuman asal, atau keingkaran membayar denda atau denda-denda) selama satu bulan, tetapi kurang daripada enam bulan, dan banduan sedemikian yang menghabiskan keseluruhan tempoh itu di dalam hospital adalah layak terhadap ganjaran itu.

(2) Sebagai tambahan kepada ganjaran yang disebut di bawah subperaturan (1), sejumlah wang yang telah melebihi dua ratus ringgit boleh diawardkan kepada banduan yang telah menjalani hukuman empat tahun dan lebih dan yang telah menunjukkan semangat dan kemahiran khas, yang disertai dengan kelakuan yang boleh diteladani, dalam mana-mana bidang industri penjara.

(3) Wang itu hanya boleh diberikan dengan kelulusan Ketua Pengarah dan atas syor Lembaga Pembebasan Penjara, dan bahawa wang itu hendaklah digunakan untuk membeli perkakas dan kelengkapan lain yang akan membantu pemulihan banduan itu

## **Peraturan 31. Penahanan selepas tarikh pembebasan yang sewajarnya**

(1) Apa-apa hukuman yang dijatuhi secara sah ke atas seseorang banduan mengikut peruntukan Akta boleh dijalankan walaupun penjalanan kuat kuasa hukuman itu mungkin memerlukan penahanan banduan itu melewati tarikh yang dia sepatutnya selainnya berhak dibebaskan dari penjara.

(2) Tempoh penahanan itu tidak boleh melebihi empat puluh lapan jam, tempoh itu hendaklah dikira mulai dari jam terakhir hari yang banduan itu patut selainnya berhak untuk dibebaskan.

## **Peraturan 32. Pengangkutan apabila dibebaskan**

Tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah dan atas perbelanjaan Kerajaan, seseorang banduan yang dibebaskan dengan sewajarnya dari penjara, termasuk dari penjara di tempat selain tempat yang dia dihukum hendaklah diberikan pengangkutan percuma kembali ke tempat dia lazimnya tinggal.

## **Peraturan 33. Pengiraan hukuman**

Hukuman hendaklah dikira seperti berikut :

- (a) suatu tempoh pemenjaraan hendaklah disifatkan berjalan pada saat pertama hari yang hukuman itu bermula ;
- (b) seseorang banduan tidak berhak di sisi undang-undang untuk dibebaskan sehingga berakhir hari terakhir hukumannya dan dia boleh ditahan sehingga bila-bila jam pada hari itu ; dan
- (c) sesuatu hukuman yang dinyatakan dalam tempoh satu bulan atau lebih atau satu tahun atau lebih hendaklah berjalan sehingga tarikh dalam bulan atau tahun yang hukuman itu tamat tempoh sebelum bulan atau tahun yang hukuman itu bermula, walau apa pun bilangan hari dalam bulan atau bulan-bulan atau tahun atau tahun-tahun itu

## **BAHAGIAN 4 - PENGKATEGORIAN BANDUAN**

### **Peraturan 34. Kategori banduan**

(1) Dengan tujuan untuk memudahkan latihan banduan dan mengurangkan bahaya pencemaran, banduan hendaklah dikategorikan, dengan mengambil kira umur, jantina, perwatakan, personaliti, sejarah terdahulu mereka dan faktor-faktor lain yang ditentukan oleh Pegawai yang Menjaga, mengikut peruntukan yang berikut :

- (a) kategori yang disabitkan, yang hendaklah terdiri daripada semua banduan yang disabitkan dan dihukum oleh mahkamah dan yang pada masa ini sedang menjalani hukuman di penjara ;
- (b) kategori yang belum disabitkan, yang hendaklah terdiri daripada semua penghutang, orang yang ditahan reman atau yang menunggu perbicaraan, orang yang ditahan untuk jagaan selamat atau kerana tiada penjamin, yang belum disabitkan ;
- (c) kategori banduan muda, yang hendaklah terdiri daripada semua banduan yang disabitkan di bawah umur dua puluh satu tahun ;
- (d) kategori pesalah kali pertama, yang hendaklah dibezakan daripada banduan yang lain dengan memakai nombor penjara berwarna merah di kiri kemeja mereka ;
- (e) kategori pengulang laku jenayah, yang hendaklah dibezakan daripada banduan yang lain dengan memakai nombor penjara berwarna hitam di kiri kemeja mereka ; dan
- (f) kategori banduan yang lari, yang hendaklah terdiri daripada semua banduan yang pernah melarikan diri daripada penjara atau pihak berkuasa yang lain yang pada masa ini sedang menjalani hukuman dan hendaklah dibezakan daripada banduan yang lain, dengan memakai jalur tambahan yang bewarna sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Seseorang banduan boleh dikeluarkan daripada mana-mana kategori jika, pada pendapat Pegawai yang Menjaga, dia tidak layak bercampur dengan banduan-banduan dalam kategori itu.

(3) Perkiraan hendaklah dibuat di mana banduan-banduan dalam setiap kategori hendaklah diasingkan, setakat yang boleh, dan dibenarkan oleh keadaan, di kedua-dua tempat kerja dan penempatan.

- (4) Anggota Angkatan Tentera atau Pasukan Polis yang disabitkan kerana pelanggaran perkhidmatan atau tata tertib polis sahaja setakat yang praktik dengan mengambil kira penempatan penjara dan hal keadaan kes, hendaklah ditempatkan berasingan dan dibezakan daripada banduan yang disabitkan dengan kesalahan-kesalahan bersifat tidak bermoral, tidak jujur, memalukan atau jenayah.
- (5) Perkiraan hendaklah dibuat di semua penjara tempatan untuk memperuntukkan, setakat yang praktik, pengasingan yang berkesan pada setiap masa kelima-lima kategori banduan yang disabitkan itu.
- (6) Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa kategori lain yang pada pendapatnya adalah perlu bagi memperbaiki kaedah pengkategorian itu, dan dia boleh mengikut budi bicaranya membenarkan dalam hal-hal tertentu atau di penjara-penjara tertentu penyimpanan daripada peruntukan Peraturan-Peraturan ini.
- (7) Semua kategori banduan boleh dikenal pasti melalui penggunaan singkatan di atas nombor penjara yang dipakai pada kemeja mereka.

## **BAHAGIAN 5 - SISTEM PERINGKAT PROGRESIF**

### **Peraturan 35. Peringkat-peringkat**

- (1) Maka hendaklah ditubuhkan di tiap-tiap penjara suatu sistem peringkat progresif yang memberi keistimewaan yang kian bertambah hingga ke peringkat yang lebih tinggi, yang disebut " Sistem Peringkat Progresif " dalam Peraturan-Peraturan ini.
- (2) Maka hendaklah terdapat lima peringkat pemenjaraan, iaitu ---
- (a) Peringkat Pertama ;
  - (b) Peringkat Kedua ;
  - (c) Peringkat Ketiga ;
  - (d) Peringkat Keempat ; dan
  - (e) Peringkat Khas.
- (3) Kenaikan daripada Peringkat Kedua ke atas hendaklah bergantung kepada kelakuan baik, kerajinan dan lamanya keberadaan dalam setiap Peringkat.
- (4) Keseluruhan tempoh yang kena dijalani oleh seseorang banduan itu di bawah hukuman berturut-turut atau bertindih hendaklah dianggap sebagai satu hukuman bagi maksud Sistem Peringkat Progresif.
- (5) Sistem Peringkat Progresif hendaklah dijelaskan kepada tiap-tiap banduan semasa diterima masuk kali pertama oleh Lembaga Penerimaan.

## **Peraturan 36. Peringkat Pertama**

- (1) Peringkat Pertama hendaklah terdiri daripada banduan hukuman singkat, dan banduan sedemikian hendaklah melakukan apa-apa kerja sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga.
- (2) Seseorang banduan dalam Peringkat ini, tertakluk kepada kelakuan baik dan kerajinan, adalah layak menerima selepas dilepaskan, ganjaran sebanyak lima ringgit bagi bulan pertama dalam Peringkat ini dan satu ringgit bagi setiap bulan sesudah itu.
- (3) Seseorang banduan dalam Peringkat ini hendaklah memakai kemeja berkollar putih.

## **Peraturan 37. Peringkat Kedua**

- (1) Peringkat Kedua hendaklah terdiri daripada banduan hukuman lama.
- (2) Apabila diterima masuk, seseorang banduan hendaklah terus berada dalam Peringkat ini selama tiga bulan pertama hukumannya, dan berhak mengambil bahagian dalam Skim Pendapatan.
- (3) Seseorang banduan dalam Peringkat ini hendaklah melakukan apa-apa kerja sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga.
- (4) Seseorang banduan tidak layak untuk kenaikan ke Peringkat Ketiga sehingga dia tidak mempunyai pertuduhan tatatertib terhadapnya selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan.
- (5) Seseorang banduan dalam Peringkat ini hendaklah memakai kemeja berkollar merah.

## **Peraturan 38. Peringkat Ketiga**

- (1) Selepas berada tiga bulan dalam Peringkat Kedua dengan kelakuan baik dan kerajinan, seseorang banduan layak untuk kenaikan ke Peringkat Ketiga, dan dalam Peringkat Ketiga, banduan hendaklah menjalankan apa-apa kerja sebagaimana yang diarahkah oleh Pegawai yang Menjaga.
- (2) Seseorang banduan hendaklah terus berada dalam Peringkat ini selama lima belas bulan dan tidak layak untuk kenaikan ke Peringkat Keempat sehingga dia tidak mempunyai pertuduhan tatatertib terhadapnya bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan.
- (3) Seseorang banduan dalam Peringkat ini hendaklah memakai kemeja berkollar hijau.

## **Peraturan 39. Peringkat Keempat**

- (1) Selepas berada lima belas bulan dalam Peringkat Ketiga (atau biasanya, lapan belas bulan hukumannya) seseorang banduan layak untuk kenaikan ke Peringkat Keempat, sentiasa tertakluk kepada kelakuan baik dan kerajinan.
- (2) Seseorang banduan dalam Peringkat Keempat hendaklah melakukan apa-apa kerja

sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga.

(3) Dalam Peringkat ini, seseorang banduan layak untuk kenaikan dalam Skim Pendapatan jika kelakuannya cemerlang dan dia mencapai tahap kemahiran yang tinggi dalam kerjanya.

(4) Seseorang banduan tidak layak kenaikan ke Peringkat Khas sehingga dia tidak mempunyai pertuduhan tatatertib terhadapnya bagi tempoh sekurang-kurangnya enam bulan.

(5) Seseorang banduan hendaklah terus berada dalam Peringkat Keempat selama lapan belas bulan.

(6) Banduan dalam Peringkat ini hendaklah memakai kemeja berkollar biru.

### **Peraturan 40. Peringkat Khas**

(1) Apabila seseorang banduan telah menamatkan lapan belas bulan dalam Peringkat Keempat (atau, biasanya, apabila dia telah menjalani tiga tahun hukumannya) tertakluk kepada kelakuan yang sangat cemerlang dan kerajinan, dia ---

(a) layak untuk kenaikan ke Peringkat Khas ;

(b) diambil bekerja dalam suatu pertukangan atau kerja sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga ; dan

(c) layak untuk kenaikan dalam Skim Pendapatan sentiasa tertakluk kepada kelakuan baik dan pengekalan tahap kemahiran pertukangan.

(2) Seseorang banduan dalam Peringkat Khas, yang kelakuannya adalah terus-menerus cemerlang mulai dari masa dia memasuki Peringkat Keempat, hendaklah, jika dia telahpun berada dalam Peringkat Khas sekurang-kurangnya dua tahun, layak untuk dibebaskan empat belas hari lebih awal.

(3) Banduan dalam Peringkat ini hendaklah menjadi Banduan Teladan dan hendaklah memakai baju seragam biru yang khas.

### **Peraturan 41. Penurunan dan penangguhan kenaikan Peringkat**

(1) Akibat daripada pertuduhan tatatertib atau kerana kelembapan bekerja yang berterusan, seseorang banduan boleh diturunkan Peringkat atau ditangguhkan kenaikannya ke Peringkat yang lain oleh Pegawai yang Menjaga bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada tiga bulan dan tidak lebih daripada enam bulan.

(2) Seseorang banduan yang diturunkan ke Peringkat yang lebih rendah tidak berhak dikembalikan sehingga dia menamatkan sekurang-kurangnya tiga bulan tanpa pertuduhan tatatertib atau jika diturunkan daripada Peringkat Khas, sehingga dia menamatkan sekurang-kurangnya enam bulan tanpa pertuduhan tatatertib.

(3) Seseorang banduan yang diturunkan Peringkat juga boleh dikenakan pelucutahan pendapatan, penurunan dalam Gred Pendapatan, atau dikeluarkan daripada Skim Pendapatan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan.

(4) Seseorang banduan dalam Peringkat Khas yang diturunkan kali kedua tidak layak untuk dikembalikan sehingga dia menamatkan sekurang-kurangnya dua belas bulan tanpa pertuduhan tata tertib melainkan jika diarahkan selainnya oleh Pegawai yang Menjaga.

## **Peraturan 42. Keistimewaan**

(1) Ketua Pengarah hendaklah, demi kepentingan kelakuan baik dan latihan, menubuhkan di tiap-tiap penjara apa-apa sistem keistimewaan sebagaimana yang sesuai bagi kategori banduan yang berlainan dan kaedah latihan yang berlainan.

(2) Tiap-tiap sistem sedemikian hendaklah termasuk perkiraan yang di bawahnya sejumlah wang dibayar kepada banduan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dibelanjakan atas apa-apa artikel dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Keistimewaan banduan dalam berbagai-bagai Peringkat hendaklah seperti yang berikut :

(a) seseorang banduan dalam Peringkat Pertama dan Kedua ---

(i) hendaklah dibenarkan mempunyai buku-buku perpustakaan dan menukarkannya seberapa kerap yang dapat dilaksanakan ; dan

(ii) adalah layak untuk menghadiri apa-apa konsert, syarahan, pertunjukan program pandang dengar dan apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga ;

(b) sebagai tambahan kepada keistimewaan yang disebut dalam perenggan (a), seseorang banduan dalam Peringkat Kedua adalah layak untuk dimasukkan dalam Skim Pendapatan ;

(c) seseorang banduan dalam Peringkat Ketiga ---

(i) hendaklah dibenarkan mempunyai buku-buku perpustakaan dan menukarkannya seberapa kerap yang dapat dilaksanakan ;

(ii) adalah layak untuk menghadiri konsert, syarahan, kelas kraf tangan, kelas sekolah, pertunjukan program pandang dengar dan apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pengawai yang Menjaga ;

(d) seseorang banduan dalam Peringkat Keempat dan Peringkat Khas ---

(i) hendaklah dibenarkan mempunyai buku-buku perpustakaan dan menukarkannya seberapa kerap yang dapat dilaksanakan ;

(ii) hendaklah dibenarkan menghadiri konsert, syarahan, kelas kraf tangan, kelas sekolah dan pertunjukan program pandang dengar ;

(iii) hendaklah dibenarkan menyertai apa-apa aktiviti petang yang lain boleh diaturkan ;

(iv) boleh mempunyai cara berekreasi yang diluluskan dalam selnya ; dan

(v) boleh dibenarkan meninggalkan penjara dengan diiringi untuk mengambil bahagian dalam pertandingan yang diluluskan oleh Pegawai yang Menjaga.

(4) Jika boleh, seseorang banduan Peringkat Khas ---

(a) hendaklah dibenarkan untuk menduduki penempatan dormitori ; atau jika ini tidak

mungkin selnya akan diperuntukkan dengan perabot khas dan kelengkapan tempat tidur tambahan boleh diberikan kepadanya ;

(b) tidak boleh dikunci dalam sel atau dormitorinya pada waktu tengah hari atau sehingga satu jam selepas waktu penguncian biasa ;

(c) hendaklah diperuntukkan dengan kemudahan yang serupa pada hujung minggu ; dan

(d) boleh dibenarkan untuk bergerak dalam penjara tanpa diiringi.

(5) Banduan dalam semua Peringkat layak menerima buku atau majalah berkala yang sesuai dari rumah tertakluk kepada kelulusan oleh Pegawai yang Menjaga.

(6) Banduan dalam semua Peringkat berhak menerima apa-apa keistimewaan lain sebagaimana yang, dari semasa ke semasa, diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(7) Bagi maskud Bahagian ini, " banduan " merujuk kepada banduan yang disabitkan.

## **BAHAGIAN 6 - SISTEM REMITAN**

### **Peraturan 43. Remitan**

(1) Tertakluk kepada terma-terma sesuatu perintah yang dibuat oleh Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan di bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan, dengan tujuan untuk menggalakkan kelakuan baik dan kerajinan dan untuk memudahkan pemerlakuan pemulihan, seseorang banduan yang dihukum penjara adalah berhak diberi remitan seperti yang berikut :

(a) seseorang banduan yang disabitkan yang dihukum dengan suatu tempoh pemenjaraan yang melebihi satu bulan hendaklah diberi remitan satu pertiga daripada hukumannya :

Dengan syarat bahawa tiada remitan yang diberikan boleh mengakibatkan seseorang banduan itu dibebaskan sehingga dia telah menjalani pemenjaraan satu bulan kalender ;

(b) seseorang banduan yang dihukum dengan suatu tempoh pemenjaraan selama satu bulan atau kurang tidak boleh diberi remitan.

(2) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, Ketua Pengarah boleh, dalam mana-mana hal jika apa-apa hukuman lain yang diperintahkan oleh mahkamah belum dilaksanakan lagi, mengurangkan tempoh remitan yang akan diberikan kepada banduan di bawah subperaturan (1) dengan tidak melebihi dua minggu bagi membolehkan hukuman itu dilaksanakan.

### **Peraturan 44. Hukuman berturut-turut dan bertindih**

(1) Jika satu tempoh pemenjaraan berturut-turut dengan suatu tempoh yang lain, tempoh-tempoh itu hendaklah dianggap sebagai satu tempoh bagi maksud remitan, dan jika satu hukuman adalah sebahagiannya serentak dengan, tetapi bertindih dengan hukuman yang lain, hukuman yang terkemudian itu hendaklah ditambah kepada tempoh hukuman yang mula-mula yang telah dijalani dengan sebenarnya apabila hukuman yang terkemudian itu bermula dan remitan

hendaklah dikira atas jumlah tempoh :

Dengan syarat bahawa tarikh pelepasan banduan bagi hukuman yang kemudian itu tidak boleh lebih awal daripada tempoh hukuman yang sebelumnya.

(2) Jika seseorang banduan yang menjalani dua hukuman atau lebih disabitkan selanjutnya dan dihukum penjara dan mahkamah memerintahkan supaya hukuman baru itu " Mula berkuat kuasa apabila habis tempoh hukuman yang sedang dijalani oleh banduan itu " perintah Mahkamah itu hendaklah ditafsirkan secara harfiah.

(3) Apa-apa kesulitan mengenai pengiraan hukuman dan remitan hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah untuk keputusan.

#### **Peraturan 45. Rekod remitan**

(1) Suatu rekod hendaklah disimpan bagi setiap banduan yang mendapat remitan yang menunjukkan, kiraan hari, hukuman, remitan yang dibenarkan, dan apa-apa pelucuthakan remitan.

(2) Tarikh paling awal dan paling lewat banduan boleh dilepaskan hendaklah direkodkan dengan kemas kini.

(3) Remitan hukuman atau agregat hukuman hendaklah diawardkan semasa penerimaan masuk banduan.

#### **Peraturan 46. Penjelasan Sistem Remitan**

Sistem Remitan hendaklah dijelaskan kepada semua banduan semasa penerimaan masuk, dan jika, kerana apa-apa sebab, remitan dilucuthakkan, Pegawai yang Menjaga hendaklah memastikan bahawa banduan itu menyedari sepenuhnya pelucuthakan itu.

#### **Peraturan 47. Remitan untuk banduan di hospital mental**

Banduan yang dipindahkan ke hospital mental hendaklah dibenarkan remitan penuh di bawah Peraturan-Peraturan ini.

#### **Peraturan 48. Remitan semasa hukuman, dll.**

Banduan yang sedang menjalani pengurungan dalam sel hukuman tidak boleh mendapatkan remitan berkenaan dengan tempoh yang dalamnya dia menjalani hukuman itu.

#### **Peraturan 49. Pelucuthakan pemberian remitan**

Kesemua atau mana-mana bahagian remitan yang terhadapnya seseorang banduan layak boleh, setelah melakukan mana-mana kesalahan kecil atau kesalahan besar penjara dibatalkan oleh Ketua Pengarah :

Dengan syarat bahawa tiada pelucuthakan boleh melebihi jumlah remitan yang diperoleh pada

masa berlakunya kesalahan itu.

### **Peraturan 50. Pembebasan apabila remitan diperoleh**

Seseorang banduan dalam Sistem Remitan berhak dibebaskan pada hari selepas dia telah habis memperoleh remitannya.

### **Peraturan 51. Hukuman**

Seseorang banduan yang dibenarkan memperoleh remitan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dihukum bagi mana-mana kesalahan penjara melalui pelucutahan remitan itu yang tidak melebihi tujuh hari bagi mana-mana satu kesalahan sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti mana-mana hukuman yang boleh dikenakan di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan ini.

### **Peraturan 52. Pelepasan selepas pembayaran sebahagian**

Apabila seseorang banduan mendapatkan bagi dirinya hak untuk mendapatkan pelepasan yang lebih awal melalui pembayaran sebahagian denda atau apa-apa jumlah wang yang lain yang dia telah diperintahkan supaya membayar dia hendaklah dibenarkan memperoleh remitan bagi kerajinan dan kelakuan baik bagi sepenuh tempoh hukuman atau hukuman-hukumannya, ditolak bahagian yang telah dibayarnya, dengan syarat bahawa baki tempoh pemerjaraan tersebut melebihi satu bulan kalender.

### **Peraturan 53. Pemulangan remitan**

Ketua Pengarah boleh mengikut budi bicaranya memulangkan semua atau sebahagian daripada apa-apa remitan kepada mana-mana banduan yang tidak melebihi satu bulan yang dilucutkan daripada banduan itu semasa dia dihukum.

### **Peraturan 54. Laporan empat tahun sekali bagi banduan-banduan**

- (1) Pegawai yang Menjaga hendaklah pada tiap-tiap bulan, menyediakan suatu laporan mengenai tiap-tiap banduan yang semasa bulan yang sebelumnya telah menamatkan empat, lapan, dua belas atau enam belas tahun hukumannya dan tiap-tiap tahun berikutnya sesudah itu.
- (2) Setiap laporan hendaklah memasukkan ---
  - (a) suatu pernyataan oleh Pegawai yang Menjaga mengenai kerja dan kelakuan banduan itu ; dan
  - (b) suatu pernyataan oleh Pegawai Perubatan mengenai keadaan mental dan tubuh badan banduan, dengan perujukan khusus terhadap kesan pemerjaraan ke atas kesihatannya.
- (3) Pegawai yang Menjaga hendaklah, tidak lewat daripada enam bulan selepas tamatnya

tempoh yang disebut subperaturan (1) mengemukakan laporan itu kepada Ketua Pengarah yang hendaklah mencatatkan ke dalam laporan itu apa-apa syor yang ingin dibuatnya dan mengemukakannya kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri yang di dalamnya kesalahan yang baginya banduan itu disabitkan, telah dilakukan atau dianggap telah dilakukan bagi maksud Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan kecuali bahawa ---

- (a) dalam kes-kes keselamatan ;dan
- (b) dalam kes seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan oleh Mahkamah Tentera yang ditubuhkan di bawah Akta Angkatan Tentera 1972 [Akta 77],

laporan itu hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong.

(4) Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang, bertindak mengikut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan boleh meremitkan baki hukuman banduan itu atau boleh menetapkan masa kemudian bagi kes itu dikemukakan sekali lagi untuk pertimbangannya dan dalam hal itu dia boleh pada bila-bila tarikh yang terkemudian sama ada meremitkan sebahagian atau baki hukuman banduan itu.

## **BAHAGIAN 7 - PEMERLAKUAN BANDUAN**

### **Peraturan 55. Tugas pengawal penjara**

Adalah menjadi tugas semua pegawai penjara untuk memperlakukan semua banduan dengan kebaikan dan berperikemanusiaan, untuk mendengar dengan sabar dan melaporkan aduan atau kilanan mereka, di samping bersikap tegas dalam mengekalkan kenteraman dan tatatertib dan menguatkuasakan peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan Perintah Tetap Ketua Pengarah.

### **Peraturan 56. Penggunaan kekerasan**

- (1) Tiada pegawai boleh memukul banduan melainkan jika dia terpaksa berbuat demikian kerana mempertahankan diri atau kerana mempertahankan diri orang lain atau apabila diarahkan untuk melaksanakan hukuman sebat.
- (2) Seseorang banduan yang dipukul oleh seorang pegawai penjara kerana mempertahankan diri atau kerana mempertahankan diri orang atau banduan lain hendaklah diperiksa dengan seberapa segera yang boleh oleh Pegawai Perubatan dan suatu laporan segera mengenai kejadian itu hendaklah dibuat kepada Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 57. Kelengkapan tempat tidur**

- (1) Tiap-tiap banduan hendaklah dibekali dengan kelengkapan tempat tidur mengikut skala yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.
- (2) Kelengkapan tempat tidur tambahan boleh dibekalkan dalam hal keadaan yang khas atas syor Pegawai Perubatan.

## **Peraturan 58. Pakaian**

- (1) Pakaian seseorang banduan hendaklah ditukar dan dibasuh setiap minggu, dan peralatan tempat tidur hendaklah dijemur dan dibasuh seberapa kerap yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga.
- (2) Pakaian penjara yang tidak dipakai lagi oleh seseorang banduan selepas pembebasannya hendaklah dibasuh sebersih-bersihnya, dikeringkan dan dinyahjangkitkan sebelum dipulangkan ke setor atau dikeluarkan semula.

## **Peraturan 59. Kebersihan**

Penjara dan tiap-tiap bilik dan bahagiannya hendaklah dijaga dengan bersih dan tiap-tiap banduan hendaklah menjaga selnya, perkakasnya, buku-bukunya dan artikel lain yang dikeluarkan untuk kegunaannya, dan pakaian dan kelengkapan tempat tidurnya bersih dan tersusun dengan kemas, sebagaimana yang diarahkan, dan hendaklah membersihkan dan menyapu halaman, laluan, dan bahagian-bahagian lain penjara sebagaimana yang dia diperintahkan.

## **Peraturan 60. Diet**

Makanan banduan, sama ada yang disabitkan atau yang belum disabitkan hendaklah mengikut skala diet yang dinyatakan dalam Jadual Pertama atau apa-apa skala diet yang lain yang dari semasa ke semasa diluluskan oleh Menteri atas syor Menteri Kesihatan.

## **Peraturan 61. Diet banduan yang belum disabitkan**

- (1) Seseorang banduan yang belum disabitkan boleh memilih untuk menyediakan makanannya sendiri.
- (2) Mana-mana banduan yang belum disabitkan yang tidak memilih untuk menyediakan makanannya sendiri hendaklah dibekali dengan skala diet yang sama sebagaimana yang diluluskan di bawah peraturan 60.

## **Peraturan 62. Skala diet hendaklah dipamerkan**

Suatu salinan skala diet hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di penjara itu.

## **Peraturan 63. Makanan tambahan**

Tiada banduan boleh menerima atau ada dalam milikannya apa-apa makanan selain yang dibenarkan oleh skala diet itu, kecuali ---

- (a) dengan kebenaran Pegawai yang Menjaga dalam hal keadaan yang khas ; dan
- (b) dengan kebenaran Pegawai Perubatan jika diet yang berlainan diperlukan atas alasan kesihatan bagi seseorang banduan individu

## **Peraturan 64. Pembaziran makanan**

Diet seseorang banduan yang membazirkan makanannya secara berterusan boleh dikurangkan atas syor bertulis Pegawai Perubatan.

## **Peraturan 65. Pemeriksaan bahan makanan**

(1) Perhatian hendaklah diberikan supaya semua bekalan yang dibekalkan kepada banduan adalah daripada kualiti dan berat yang sewajarnya, dan dalam semua hal makanan hendaklah diberikan kepada banduan sebelum dimulakan kerja untuk hari itu.

(2) Skala dan alat timbang dan sukat piawaian hendaklah diperuntukkan bagi menimbang makanan yang dibekalkan kepada mereka.

## **Peraturan 66. Diet terhad**

Seseorang banduan yang diperintahkan supaya memakan diet terhad hendaklah digantikan diet biasanya dengan diet terhad sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Pegawai Perubatan.

## **Peraturan 67. Senaman**

Perkiraan hendaklah dibuat setakat yang praktik bagi tiap-tiap banduan, melainkan jika dikecualikan oleh Pegawai Perubatan atas alasan kesihatan, untuk melakukan senaman dan rekreasi fizikal harian :

Dengan syarat bahawa keselamatan dan tatatertib dikekalkan dengan sewajarnya,

## **Peraturan 68. Artikel yang tidak dibenarkan**

(1) Tiada banduan boleh ada dalam milikannya apa-apa artikel yang tidak dibenarkan dan apa-apa artikel sedemikian yang dijumpai dalam milikannya hendaklah dirampas oleh Pegawai yang Menjaga.

(2) Tiada seorang pun boleh tanpa kebenaran ---

- (a) membawa atau mencampakkan ke dalam, atau menyimpan di dalam, penjara ; atau

(b) membawa kepada mana-mana banduan, atau menyimpan dengan tujuan untuk dijadikan milikan mana-mana banduan,  
apa-apa wang, pakaian, makanan, minuman, tembakau, surat, kertas, buku, perkakas atau artikel lain.

(3) Apa-apa artikel yang tidak dibenarkan yang dibawa, dicampakkan atau disimpan boleh dirampas oleh Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 69. Merokok, dll. dilarang**

Tiada seorang pun banduan boleh dibenarkan merokok atau ada dalam milikannya apa-apa tembakau kecuali mengikut apa-apa perintah sebagaimana yang diberikan oleh Pegawai yang Menjaga dengan kelulusan Ketua Pengarah.

### **Peraturan 70. Memeriksa orang dan menggeledah kenderaan**

(1) Semua orang, termasuk penasihat undang-undang seseorang banduan dan kenderaan yang memasuki atau meninggalkan penjara boleh diperiksa dan digeledah, dan mana-mana orang disyaki membawa apa-apa artikel yang dilarang ke dalam penjara, atau membawa keluar apa-apa artikel yang dilarang atau apa-apa harta kepunyaan penjara, hendaklah ditahan dan notis segera hendaklah diberikan kepada Pegawai yang Menjaga.

(2) Pegawai yang Menjaga boleh menolak kemasukan seseorang yang enggan diperiksa atau yang kelakuannya tidak sopan ke dalam penjara.

(3) Pegawai yang Menjaga boleh mengarahkan supaya dikeluarkan dari penjara seseorang yang semasa di dalam penjara enggan diperiksa atau yang kelakuannya tidak sopan.

### **Peraturan 71. Penggunaan buku dan bahan bertulis oleh banduan**

Mana-mana banduan boleh menggunakan buku dan bahan bertulis yang diterima atau yang diperoleh melalui pegawai penjara dengan kebenaran dan kelulusan Pegawai yang Menjaga setakat yang selaras dengan tata tertib yang sesuai bagi penjara itu.

## **BAHAGIAN 8 - PEKERJAAN BANDUAN**

### **Peraturan 72. Kehendak am bekerja**

(1) Tiap-tiap banduan yang disabitkan adalah dikehendaki untuk menjalankan apa-apa kerja yang dibenarkan oleh Pegawai yang Menjaga dan yang baginya dia telah diperakui sihat oleh Pegawai Perubatan.

(2) Tiap-tiap banduan yang belum disabitkan yang memilih untuk bekerja pada sepanjang tempoh dia dikurung hendaklah dibenarkan bekerja jika dia diperakui sihat untuk kerja itu oleh Pegawai Perubatan.

## **Peraturan 73. Waktu bekerja**

Waktu bekerja bagi banduan hendaklah sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

## **Peraturan 74. Pekerjaan banduan wanita**

Banduan perempuan hendaklah diambil bekerja hanya di dalam kawasan penjara melainkan jika diluluskan selainnya oleh Ketua Pengarah.

## **Peraturan 75. Rekod kerja banduan**

Di setiap penjara, suatu rekod mengenai kerja harian semua banduan hendaklah disimpan mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

## **Peraturan 76. Penguntukan kerja**

Pegawai yang Menjaga sendiri akan memberikan setiap banduan pekerjaan yang paling sesuai untuk banduan itu, pertimbangan utama adalah untuk memberikan setiap banduan latihan vokasional yang sesuai yang dibenarkan oleh hukuman, minat, keupayaan dan sumber penjara.

## **Peraturan 77. Pengasingan banduan semasa bekerja**

- (1) Jika pada bila-bila masa ternyata pada Pegawai yang Menjaga bahawa adalah wajar bagi pengekalan ketenteraman atau tatatertib, atau bagi kepentingan banduan itu bahawa dia tidak sepatutnya bekerja bercampuran dengan yang lain, Pegawai yang Menjaga boleh mengatur untuk dia bekerja secara sementara di dalam sel dan tidak secara bercampuran.
- (2) Adalah menjadi budi bicara Pegawai yang Menjaga untuk mengatur supaya banduan sedemikian bekerja secara bercampuran semula bilamana didapatinya wajar, dan dia hendaklah berbuat demikian jika Pegawai Perubatan menasihatinya atas alasan perubatan.

## **Peraturan 78. Kerja pada hari kelepasan**

- (1) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Ketua Pengarah, tiada seorang pun banduan boleh dikehendaki melakukan apa-apa kerja kecuali sebagaimana yang perlu untuk menjaga kebersihan premis penjara itu, pada hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am.
- (2) Semua banduan beragama Islam hendaklah dibenarkan untuk berpuasa dalam bulan Ramadan dan sepanjang berpuasa hendaklah dikehendaki bekerja dengan tugas yang dikurangkan sebagaimana yang didapati wajar oleh Pegawai Perubatan.

## **Peraturan 79. Pekerjaan dalam perusahaan khas**

- (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Peratuan-Peraturan ini, Pegawai yang Menjaga boleh memberi pilihan kepada mana-mana banduan untuk bekerja dalam mana-mana perusahaan khas yang ditubuhkan oleh Menteri dalam sistem penjara itu.
- (2) Seseorang banduan yang memilih untuk bekerja dalam perusahaan sedemikian boleh pada bila-bila masa berhenti untuk bekerja dalam pekerjaan itu tetapi semasa melakukan kerja sedemikian hendaklah menaklukkan dirinya kepada tata tertib yang dikenakan oleh Pegawai yang Menjaga ke atas mereka yang bekerja dalam perusahaan itu.
- (3) Banduan sedemikian hendaklah mendapat apa-apa kadar bayaran sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.
- (4) Peraturan 80, 81, 82 dan 83 tidakkah terpakai bagi banduan yang memilih untuk bekerja dalam perusahaan khas.

## **BAHAGIAN 9 – PENDAPATAN**

### **Peraturan 80. Bayaran bagi kerja**

Tertakluk kepada peruntukan Sistem Peringkat Progresif, banduan-banduan hendaklah menerima bayaran bagi kerja dan kemahiran mereka dalam perusahaan mengikut peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam Bahagian ini.

### **Peraturan 81. Gred**

- (1) Banduan yang layak di bawah Sistem Peringkat Progresif hendaklah, bagi maksud Skim Pendapatan, dikelaskan dalam empat gred seperti yang berikut :
- (a) Gred A, yang hendaklah terdiri daripada banduan yang berkemahiran tinggi dalam pertukangan mereka dan yang kelakuannya adalah, atas syor, sangat baik, dan boleh diteladani, dan gred ini hendaklah menjadi gred yang tertinggi ;
- (b) Gred B, yang hendaklah terdiri daripada banduan yang mahir dalam pertukangan mereka, tetapi yang belum mencapai tahap kecekapan yang dikehendaki untuk Gred A dan mestilah telah menghabiskan sekurang-kurangnya lima belas bulan dalam Gred C sebelum dinaikkan gred dan bolehlah dinaikkan gred atas syor dan gred ini hendaklah dianggap gred pertengahan ;
- (c) Gred C, yang hendaklah terdiri daripada banduan yang mahir dalam pertukangan mereka, tetapi yang belum mencapai tahap kecekapan yang dikehendaki untuk Gred B dan mestilah telah menghabiskan sekurang-kurangnya tiga bulan dalam Gred D sebelum dinaikkan gred dan boleh dinaikkan gred atas syor dan gred ini hendaklah dianggap gred biasa ; dan
- (d) Gred D, yang hendaklah terdiri daripada semua banduan lain yang layak di bawah Sistem Peringkat Progresif untuk dimasukkan dalam Skim Pendapatan dan gred ini ialah gred asas.
- (2) Kenaikan ke Gred A, Gred B dan Gred C akan bergantung kepada kemahiran dan kelakuan.

(3) Jika jenis kerja adalah yang sedemikian hingga menghendaki suatu pasukan banduan untuk menghasilkan keluaran, banduan sedemikian hendaklah menerima bayaran secara kolektif bagi semua kerja yang disiapkan :

Dengan syarat bahawa bayaran itu adalah lebih tinggi daripada gred pendapatan sekarang ; dan

Dengan syarat selanjutnya bahawa tiada banduan yang diambil bekerja secara kolektif boleh mendapat jumlah wang untuk bagi setiap hari melebihi kadar yang ditetapkan untuk banduan Gred A.

### **Peraturan 82. Penggredan dan kenaikan gred**

(1) Semua banduan, apabila menjadi layak di bawah Sistem Peringkat Progresif untuk menyertai Skim Pendapatan akan digredkan sebagai Gred D.

(2) Pegawai yang Menjaga boleh, mengikut budi bicaranya, memberikan kenaikan daripada Gred D ke Gred C atau daripada Gred C ke Gred B atas dasar kelakuan baik dan kemajuan kerja.

(3) Pegawai yang Menjaga boleh membuat syor kepada Ketua Pengarah untuk kenaikan ke Gred A atas dasar kelakuan yang diteladani dan kemahiran bekerja dan syor itu boleh diluluskan oleh Ketua Pengarah.

### **Peraturan 83. Kadar pendapatan**

(1) Seseorang banduan adalah layak mendapatkan apa-apa kadar bayaran sebagaimana yang dinyatakan dari semasa ke semasa berkenaan dengan setiap gred oleh Ketua Pengarah dengan kelulusan Menteri.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh mempunyai budi bicara untuk memperkenalkan kadar pendapatan bagi kerja yang telah dilakukan oleh banduan hukuman singkat yang memilih untuk bekerja semasa tempoh dia dikurung.

### **Peraturan 84. Simpanan**

(1) Seseorang banduan dalam Skim Pendapatan akan dibenarkan untuk membelanjakan sehingga maksimum dua pertiga daripada jumlah pendapatan bulanannya untuk membeli keperluan bagi kegunaannya sendiri sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah :

Dengan syarat bahawa seseorang banduan yang bekerja dalam perusahaan khas yang ditubuhkan di bawah peraturan 79 hendaklah, melainkan jika dibenarkan secara bertulis selainnya oleh Ketua Pengarah dibenarkan untuk membelanjakan sebahagian daripada pendapatannya bagi sebulan.

(2) Baki pendapatan itu hendaklah dimasukkan ke dalam kredit banduan itu dan jumlah kredit itu hendaklah dibayar kepadanya apabila dilepaskan atau sebahagian daripada pendapatan mereka hendaklah dihantar kepada keluarga mereka atau bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

## **Peraturan 85. Banduan dalam hospital**

- (1) Tiada seorang pun banduan layak untuk dibayar bagi hari-hari yang dihabiskan dalam hospital.
- (2) Kemudahan hendaklah diperuntukkan yang menurutnya banduan boleh membuat pembelian mengikut Peraturan-Peraturan ini.

## **BAHAGIAN 10 - SURAT DAN LAWATAN KEPADA BANDUAN**

### **Peraturan 86. Perhubungan banduan**

Perhubungan antara banduan dengan saudara-mara dan rakan-rakan mereka hendaklah dibenarkan mengikut Bahagian ini, tertakluk kepada apa-apa sekatan yang perlu bagi pengekalan tatertib dan ketenteraman dalam penjara, dan pencegahan jenyah ; dan tiada seorang lain pun boleh dibenarkan berhubung dengan seseorang banduan kecuali dengan kebenaran khas, dan tiada seorang pun banduan boleh mengadakan apa-apa bentuk perhubungan yang tidak dibenarkan dengan mana-mana orang.

### **Peraturan 87. Peruntukan minimum yang biasa, mengenai surat khas dan lawatan khas**

- (1) Apabila diterima masuk seseorang banduan adalah berhak menulis suatu " surat penerimaan " dan menerima suatu lawatan selama empat puluh lima minit.
- (2) Apabila dipindahkan seseorang banduan adalah berhak menulis dan menerima " surat perpindahan ".
- (3) Lawatan dan surat hendaklah diberikan seperti yang berikut :
  - (a) seseorang banduan dalam Peringkat Pertama dan Kedua adalah berhak menulis satu surat tiap-tiap minggu dan menerima satu lawatan selama empat puluh lima minit tiap-tiap empat minggu atau menulis dan menerima satu surat sebagai ganti ;
  - (b) seseorang banduan dalam Peringkat Ketiga, adalah berhak menulis satu surat tiap-tiap minggu dan menerima suatu lawatan selama empat puluh lima minit tiap-tiap tiga minggu atau menulis dan menerima satu surat sebagai ganti ;
  - (c) seseorang banduan dalam Peringkat Keempat, adalah berhak menulis satu surat tiap-tiap minggu dan menerima suatu lawatan selama empat puluh lima minit tiap-tiap dua minggu atau menulis dan menerima satu surat sebagai ganti ;
  - (d) seseorang banduan dalam Peringkat Khas, adalah berhak menulis satu surat tiap-tiap minggu dan menerima suatu lawatan selama empat puluh lima minit tiap-tiap minggu atau menulis dan menerima satu surat sebagai ganti.
- (4) Walau apa pun subperaturan (3), Pegawai yang Menjaga boleh mengubah jangka masa lawatan sebagaimana yang difikirkannya sesuai.
- (5) Seseorang banduan dalam mana-mana peringkat adalah berhak menerima surat tanpa

sekatan.

(6) Tiada lawatan atau perhubungan yang lain boleh dibenarkan tanpa suatu perintah secara bertulis daripada Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 88. Penundaan atau penarikan balik surat atau lawatan kerana salah laku**

Keistimewaan menulis dan menerima surat dan menerima lawatan boleh, mengikut budi bicara Pegawai yang Menjaga,ditangguhkan atau ditarik balik pada bila-bila masa dalam hal salah laku.

### **Peraturan 89. Penangguhan dalam hal hukuman**

Apabila seseorang banduan yang menjadi berhak untuk menerima suatu surat dan lawatan di bawah peraturan 87 adalah pada masa itu sedang menjalani hukuman, surat atau lawatan itu hendaklah ditunda mengikut budi bicara Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 90. Surat dan lawatan tambahan sebagai suatu keistimewaan**

Pegawai yang Menjaga boleh membenarkan apa-apa surat dan lawatan tambahan sebagaimana yang ditentukannya, sebagai suatu keistimewaan bagi mana-mana peringkat banduan.

### **Peraturan 91. Surat sebagai ganti suatu lawatan, surat khas dan lawatan khas**

Pegawai yang Menjaga boleh membenarkan mana-mana banduan yang berhak menerima suatu lawatan untuk menulis suatu surat dan menerima suatu jawapan sebagai ganti lawatan itu dan boleh juga membenarkan mana-mana banduan untuk menulis suatu surat khas dan menerima suatu jawapan atau suatu lawatan khas dalam mana-mana hal keadaan yang berikut :

- (a) kematian atau sakit yang teruk saudara-mara yang rapat ;
- (b) urusan perniagaan atau hal ehwal kekeluargaan yang bersifat mendesak ; atau
- (c) perkiraan untuk mendapatkan pekerjaan atau bantuan daripada rakan-rakan apabila dibebaskan.

### **Peraturan 92. Perhubungan melalui Pegawai yang Menjaga**

Pegawai yang Menjaga boleh pada bila-bila masa berhubung dengan seseorang banduan, atau saudara-mara atau rakan-rakannya, apa-apa perkara yang mustahak kepada banduan itu dalam hal dia tidak berhak menulis atau menerima surat.

### **Peraturan 93. Bilangan orang yang dibenarkan melawat**

Tidak lebih daripada lima orang dibenarkan melawat seseorang banduan pada satu masa kecuali dalam hal jika ditentukan selainnya oleh Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 94. Masa dan syarat-syarat lawatan**

Semua lawatan kepada banduan hendaklah diadakan semasa waktu bekerja biasa dan antara waktu itu sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga dan dalam Penglihatan dan pendengaran seseorang pegawai penjara.

### **Peraturan 95. Lawatan pada hari kelepasan mingguan tidak dibenarkan**

Tiada seorang pun boleh dibenarkan melawat seseorang banduan pada hari kelepasan mingguan, kecuali dalam hal kecemasan atau atas sebab-sebab lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

### **Peraturan 96. Perhubungan oleh bekas banduan**

Tiada perhubungan boleh dibenarkan antara seorang bekas banduan dengan seseorang banduan kecuali dengan kebenaran bertulis Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 97. Penapisan surat**

(1) Tiap-tiap surat kepada atau daripada seseorang banduan hendaklah dibaca oleh Pegawai yang Menjaga atau oleh seseorang pegawai yang bertanggungjawab yang diwakilkan olehnya bagi maksud itu dan adalah menjadi budi bicara Pegawai yang Menjaga sesuatu penjara untuk menahan mana-mana surat atas alasan bahawa kandungannya adalah sangat tidak menyenangkan atau terlalu panjang.

(2) Jika kandungan atau sebahagian daripada surat yang ditulis oleh banduan itu adalah, pada pendapat Pegawai yang Menjaga, tidak menyenangkan, dia hendaklah ---

(a) memberi banduan berkenaan peluang untuk menulis surat itu semula ; dan

(b) jika kandungan surat yang ditulis semula itu atau sebahagian daripadanya masih lagi dianggap sangat tidak menyenangkan, memfailkan surat itu ke dalam rekod banduan selepas memaklumkan kepadanya bahawa dia telah kehilangan keistimewaannya untuk tempoh tertentu itu.

(3) Jika kandungan atau sebahagian daripada sesuatu surat yang ditujukan kepada banduan itu adalah, pada pendapat Pegawai yang Menjaga, sangat tidak menyenangkan, dia hendaklah ---

(a) mengembalikan surat itu kepada pengirim jika alamatnya diketahui ; atau

(b) jika alamat pengirim itu tidak diketahui, memusnahkan surat itu.

## **Peraturan 98. Penyeliaan lawatan**

Seseorang pegawai bawahan bersama-sama dengan seorang jurubahasa dalam hal apabila pegawai itu tidak memahami bahasa yang dituturkan, hendaklah berada dalam penglihatan dan pendengaran sepanjang keseluruhan tiap-tiap temu bual itu melainkan jika Pegawai yang Menjaga melalui suatu perintah secara bertulis mengarahkan selainnya.

## **Peraturan 99. Makanan dari luar**

Tiada seorang pun pelawat boleh dibenarkan membawa masuk apa-apa makanan dari luar melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Pegawai yang Menjaga.

## **Peraturan 100. Butir-butir lawatan dan kuasa Pegawai yang Menjaga**

- (1) Semua pelawat hendaklah menyatakan nama, alamat, pertalian mereka atau apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai yang Menjaga dalam jurnalnya.
- (2) Jika Pegawai yang Menjaga atau seseorang pegawai yang ditugaskan olehnya mempunyai apa-apa alasan untuk rasa syak, dia boleh mengarahkan pegawai perempuan untuk memeriksa pelawat perempuan dan pemeriksaan sedemikian tidaklah boleh dilakukan dalam kehadiran mana-mana banduan atau pelawat yang lain.
- (3) Dalam hal mana-mana pelawat yang enggan untuk diperiksa, Pegawai yang Menjaga boleh menghalangnya masuk dan alasan-alasan keengganan itu, dengan butir-butir mengenai keengganan itu, hendaklah dicatatkan ke dalam jurnalnya.
- (4) Pegawai yang Menjaga mempunyai budi bicara untuk tidak memberarkan sesuatu lawatan jika pelawat itu tidak berpakaian sesuai dan sopan.

## **Peraturan 101. Lawatan oleh penasihat undang-undang**

- (1) Seseorang banduan berhak berunding ---
  - (a) dengan ketua penasihat undang-undang pilihanraya atau jika ketua itu tidak boleh memberikan perkhidmatannya kepada banduan itu, dengan seorang penasihat undang-undang yang dipilihnya ; atau
  - (b) jika terdapat lebih daripada seorang penasihat undang-undang yang membela kes banduan itu, dengan mana-mana satu penasihat undang-undang yang dipilihnya.
- (2) Kemudahan yang munasabah hendaklah diberikan kepada penasihat undang-undang banduan yang menjalankan apa-apa prosiding undang-undang, sivil atau jenayah, yang dalamnya banduan itu merupakan suatu pihak, untuk berjumpa banduan itu berkenaan dengan prosiding itu dalam penglihatan, tetapi tidak dalam pendengaran, pegawai penjara.
- (3) Penasihat undang-undang seseorang banduan boleh, dengan kebenaran Pegawai yang Menjaga, berjumpa dengan banduan itu berkenaan dengan apa-apa urusan undang-undang lain dalam penglihatan dan pendengaran pegawai penjara.
- (4) Banduan yang selepas disabitkan telah memberikan notis rayuan, dan banduan yang ditahan

atas perintah buang negeri, hendaklah mempunyai segala kemudahan yang munasabah untuk berjumpa dengan penasihat undang-undangnya dan, jika orang asing, wakil konsularnya, pada bila-bila masa pada hari bekerja sebagaimana yang diluluskan oleh Pegawai yang Menjaga sementara menanti keputusan rayaannya atau pelaksanaan perintah buang negeri itu.

(5) Penasihat undang-undang banduan boleh diiringi oleh satu orang yang berada di bawah kawalan langsung dan terdekat penasihat undang-undang itu bagi maksud penterjemahan.

(6) Bagi maksud peraturan ini, " penasihat undang-undang " hendaklah bererti peguam atau peguam bela dan peguam cara banduan itu atau kecuali dalam subperaturan (1), kerani peguam atau peguam bela dan peguam cara yang diberi kuasa.

(7) Tiap-tiap lawatan oleh penasihat undang-undang hendaklah disertai dengan dokumen yang sewajarnya dan lawatan itu hendaklah diadakan semasa waktu bekerja melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Pegawai yang Menjaga.

(8) Walau apa pun apa-apa jua dalam peraturan ini, Pegawai yang Menjaga hendaklah mempunyai kuasa untuk menghentikan atau membantah atau menangguhkan apa-apa lawatan oleh mana-mana penasihat undang-undang atas alasan keselamatan penjara.

### **Peraturan 102. Lawatan oleh pegawai polis**

(1) Apabila dikeluarkan suatu perintah daripada Ketua Polis Negara, atau daripada Pegawai Penjaga Daerah Polis atau daripada Majistret, mana-mana pegawai polis boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, melawat mana-mana penjara dan menemu bual mana-mana banduan dalam penglihatan dan pendengaran seseorang pegawai penjara, bagi maksud yang berikut :

- (a) mengenal pasti pesalah ;
- (b) mengambil gambar dan butir-butir banduan yang telah diarahkan supaya tertakluk kepada penyeliaan Polis ;
- (c) mengambil pernyataan daripada banduan yang dianggap perlu bagi apa-apa penyiasatan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa ; dan
- (d) apa-apa maksud lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Pegawai yang Menjaga.

(2) Pegawai yang Menjaga boleh mengikut budi bicaranya mengarahkan supaya lawatan kepada seseorang banduan sedemikian diadakan di luar pendengaran pegawai penjara.

### **Peraturan 103. Penyampaian writ, dsb.**

Seseorang pegawai undang-undang yang mempunyai suatu waran atau perintah yang berwibawa bagi menyampaikan writ atau proses undang-undang yang lain ke atas orang di dalam penjara hendaklah dibenarkan masuk ke dalam penjara pada bila-bila waktu bekerja biasa melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 104. Surat dan lawatan kepada penghutang**

Seseorang yang dikomitkan ke penjara kerana hutang hendaklah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sama berkenaan dengan penerimaan lawatan dan penulisan dan penerimaan surat seperti banduan yang menjalani hukuman.

### **Peraturan 105. Surat dan lawatan kepada banduan yang belum disabitkan**

Seseorang banduan yang belum disabitkan, selain seorang penghutang, hendaklah mempunyai segala kemudahan yang munasabah untuk berjumpa saudara-mara dan rakan-rakannya serta penasihat undang-undangnya dan, jika dia seorang asing, wakil konsularnya dan untuk menghantar dan menerima surat, selaras dengan tatatertib penjara.

### **Peraturan 106. Surat dan lawatan kepada banduan yang dibuang negeri**

Bahagian 17 Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi banduan-banduan yang dibuang negeri, kecuali banduan sedemikian yang juga sedang menjalani hukuman pemenjaraan.

### **Peraturan 107. Surat dan lawatan kepada banduan yang dijatuhi hukuman mati**

Bahagian 18 Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi banduan-banduan yang dijatuhi hukuman mati.

### **Peraturan 108. Banduan yang dikomitkan kerana keingkaran membayar denda, dsb.**

Seseorang yang dikomitkan ke penjara kerana keingkaran membayar sejumlah wang yang menurut sabitan atau perintah itu dia dikehendaki membayar, atau kerana kegagalan mendapatkan penjamin, hendaklah dibenarkan berhubung atau mengadakan temuduga dengan mana-mana saudara-mara atau rakan-rakannya pada mana-mana hari bekerja pada bila-bila waktu bekerja biasa bagi maksud *bona fide* memperuntukkan pembayaran jaminan yang akan membolehkan pelepasannya dari penjara.

### **Peraturan 109. Banduan yang sakit**

Jika seseorang banduan yang sakit teruk berhasrat untuk dilawati oleh saudara-mara atau rakannya yang rapat, Pegawai Perubatan boleh memberikan arahan secara bertulis bagi lawatan oleh saudara-mara atau rakan sedemikian tertakluk kepada kelulusan Pegawai yang Menjaga.

## **Peraturan 110. Lawatan kepada banduan hukuman lama**

(1) Jika banduan yang sedang menjalani hukuman lama telah menjalani tempoh tiga tahun dan, oleh sebab jarak dari rumahnya, tidak menerima apa-apa lawatan daripada saudara-mara atau rakan-rakannya sepanjang pemerintahan itu, Ketua Pengarah boleh, mengikut budi bicaranya, mengarahkan pemindahan banduan hukuman lama sedemikian ke penjara yang paling hampir dengan rumahnya dan mengizinkan banduan itu dilawati oleh rakan-rakannya atau saudara-mara, yang tidak melebihi bilangan lima orang pada satu-satu masa, untuk suatu tempoh yang boleh ditetapkan oleh Ketua Pengarah:

Dengan syarat bahawa dalam segala hal sedemikian kerja, kelakuan dan kemajuan banduan itu mewajarkan keistimewaan sedemikian.

## **Peraturan 111. Pelepasan banduan secara lesen**

(1) Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya, melepaskan seseorang banduan yang telah menjalani hukuman pemerintahan tidak kurang daripada empat tahun secara lesen bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan.

(2) Syarat-syarat ketakhadiran dan bentuk lesen hendaklah pada keseluruhanya sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

## **Peraturan 112. Cara-cara perhubungan yang lain**

Ketua Pengarah boleh memperkenalkan apa-apa bentuk perhubungan yang lain dari semasa ke semasa yang difikirkannya sesuai.

## **BAHAGIAN 11 - PETISYEN DAN ADUAN**

### **Peraturan 113. Petisyen**

(1) Seseorang banduan boleh, jika dikehendakinya, membuat petisyen kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara sabitan atau hukumannya, sekali dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas sabitannya dan petisyen sedemikian yang kedua hendaklah dibenarkan apabila seseorang banduan telah menyempurnakan tiga tahun dari tarikh sabitan, dan sesudah itu petisyen sedemikian hendaklah diberikan pada lat tempoh dua tahun, melainkan jika terdapat apa-apa hal keadaan khas yang dianggap oleh Pegawai yang Menjaga perlu dibawa kepada pengetahuan Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Seseorang banduan boleh, jika dikehendakinya, membuat petisyen kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai apa-apa perkara lain pada bila-bila masa, dengan syarat bahawa tiada petisyen boleh dibenarkan jika jawapan kepada petisyen sebelumnya mengenai perkara yang sama masih belum diterima.

### **Peraturan 114. Petisyen oleh banduan hukuman mati**

Seseorang banduan di bawah hukuman mati boleh membuat petisyen dengan bebas kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, semasa berada di bawah hukuman itu.

### **Peraturan 115. Aduan oleh banduan**

- (1) Seseorang banduan boleh membuat aduan kepada Hakim Pelawat, Ketua Pengarah atau Pegawai yang Menjaga.
- (2) Seseorang banduan boleh menemui mana-mana pegawai rendah penjara dengan permintaan untuk suatu temu bual dengan Pegawai yang Menjaga bagi maksud membuat suatu aduan.

### **Peraturan 116. Permintaan oleh banduan untuk berjumpa Ketua Pengarah atau Hakim Pelawat**

Perkiraan hendaklah dibuat supaya apa-apa permintaan oleh seseorang banduan untuk berjumpa Ketua Pengarah atau anggota Hakim Pelawat direkodkan oleh pegawai yang kepadanya permintaan itu dibuat dan disampaikan tanpa kelengahan kepada Pegawai yang Menjaga, yang hendaklah memaklumkan Ketua Pengarah atau anggota Hakim Pelawat itu apabila dia melawat lagi penjara mengenai tiap-tiap permintaan banduan untuk berjumpa dengannya.

### **Peraturan 117. Permohonan oleh banduan**

Pegawai yang Menjaga hendaklah pada masa yang sesuai pada tiap-tiap hari, selain dari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am, mendengar permohonan semua banduan yang telah meminta untuk berjumpa dengannya.

## **BAHAGIAN 12 - KESALAHAN, HUKUMAN DAN PEMBELENGGUAN**

### **Peraturan 118. Pegawai yang Menjaga untuk menguruskan laporan**

Tiada laporan terhadap seseorang banduan boleh diuruskan oleh mana-mana pegawai penjara lain selain Pegawai yang Menjaga atau semasa ketiadaannya pegawai yang dilantik untuk bertindak bagi pihaknya.

### **Peraturan 118. Pegawai yang Menjaga untuk menguruskan laporan**

Tiada laporan terhadap seseorang banduan boleh diuruskan oleh mana-mana pegawai penjara lain selain Pegawai yang Menjaga atau semasa ketiadaannya pegawai yang dilantik untuk bertindak bagi pihaknya.

## **Peraturan 119. Pengasingan banduan yang dilaporkan**

Apabila seseorang banduan telah dilaporkan kerana sesuatu kesalahan Pegawai yang Menjaga boleh mengarahkan supaya dia ditempatkan berasingan daripada banduan lain sementara menunggu penghukuman.

## **Peraturan 120. Maklumat kepada banduan yang dilaporkan**

Seseorang banduan hendaklah, sebelum sesuatu laporan diuruskan, dimaklumkan tentang kesalahan yang mengenai dia telah dilaporkan dan hendaklah diberi peluang untuk mendengar fakta yang dikatakan terhadapnya dan peluang untuk didengar sebagai membela dirinya.

## **Peraturan 121. Kesalahan terhadap tatatertib penjara hendaklah dilaporkan dan disiasat**

Tiap-tiap kesalahan oleh seseorang banduan terhadap tatatertib penjara hendaklah dilaporkan dengan serta-merta, dan Pegawai yang Menjaga hendaklah menyiasat laporan itu tidak lewat daripada hari berikutnya, melainkan jika hari itu ialah hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am.

## **Peraturan 122. Kesalahan kecil penjara**

Berikut ialah kesalahan kecil penjara ---

- (a) bercakap semasa waktu bekerja atau bercakap dengan kuat, ketawa atau menyanyi pada bila-bila masa selepas diarahkan oleh pegawai penjara untuk dihentikan ;
- (b) bertengkar dengan mana-mana banduan lain ;
- (c) menyorokkan apa-apa jua pun artikel ;
- (d) memiliki apa-apa artikel yang tidak dibenarkan ;
- (e) menunjukkan sikap tidak hormat kepada mana-mana pegawai penjara atau pekerja lain penjara atau pelawat rasmi ;
- (f) amang ringan atau mengambil bahagian dalam apa-apa serangan terhadap mana-mana banduan lain ;
- (g) berbohong apabila menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai penjara atau pekerja lain penjara atau seseorang pelawat rasmi ;
- (h) mengadakan perhubungan, sama ada secara bertulis, melalui lisan, atau selainnya dengan mana-mana orang dengan mengingkari Peraturan-Peraturan ini atau Perintah Tetap Ketua Pengarah ;
- (i) tidak membantu mengekalkan tatatertib dengan melaporkan apa-apa kesalahan penjara, atau tidak memberikan bantuan kepada pegawai apabila diminta untuk berbuat demikian ;

- (j) melakukan apa-apa perbuatan atau menggunakan apa-apa bahasa yang dikira menyinggung perasaan dan memudarangkan mana-mana banduan yang lain ;
- (k) melakukan apa-apa perbuatan yang dikira menimbulkan apa-apa kegemparan yang tidak perlu dalam fikiran mana-mana banduan atau mana-mana pegawai penjara atau pekerja lain penjara ;
- (l) meninggalkan, tanpa kebenaran pegawai penjara, kumpulan yang disertainya, atau bahagian penjara yang di dalamnya dia dikuarkan ;
- (m) meninggalkan, tanpa kebenaran pegawai penjara, wad, halaman, tempat dalam barisan, tempat duduk, tempat sandaran atau mana-mana tempat yang diuntukkan kepadanya ;
- (n) merayau di sekitar halaman atau belegar-legar di dalam wad apabila wad ini dibuka ;
- (o) tidak atau enggan berkawat dalam barisan bergerak di sekitar penjara atau pergi atau balik dari kerja ;
- (p) mengunjungi tandas tanpa kebenaran pegawai penjara atau berada di dalam tandas lebih lama daripada yang perlu ;
- (q) enggan memakan makanan yang ditetapkan oleh skala diet penjara tanpa apa-apa sebab yang sah ;
- (r) memakan atau mengambil apa-apa makanan yang tidak diuntukkan kepadanya atau mengambil dari atau menambah kepada hidangan yang diuntukkan kepada banduan lain ;
- (s) memberikan atau menjual kepada, atau bertukar-tukar dengan mana-mana banduan lain mana-mana bahagian makanannya sendiri ;
- (t) mengalihkan tanpa kebenaran pegawai penjara makanan dari dapur atau dari tempat di mana makanan disediakan, atau mengingkari apa-apa arahan mengenai pengeluaran dan pengagihan makanan dan minuman ;
- (u) dengan sengaja memusnahkan makanan atau membuangnya tanpa perintah ;
- (v) memasukkan ke dalam makanan atau minuman apa-apa benda yang mungkin menjadikannya tidak sedap atau tidak menyihatkan ;
- (w) tidak atau enggan memakai pakaian yang diberikan kepadanya, atau menukar mana-mana bahagiannya dengan pakaian banduan lain, atau menghilangkan, membuang, merosakkan atau mengubah mana-mana bahagiannya ;
- (x) mengalihkan, mencacatkan atau mengubah mana-mana nombor, tanda atau lencana pengenalan yang disekatkan pada atau yang dipakaikan pada pakaian atau orang ;
- (y) tidak atau enggan menjaga kebersihan diri, atau mengingkari apa-apa perintah yang mengawal selia bergunting rambut ;
- (z) tidak atau enggan menjaga pakaian, selimut, kelengkapan tempat tidur atau perkakas supaya bersih atau mengingkari apa-apa perintah mengenai perkiraan atau susunan artikel itu ;

- (aa) mengganggu dengan apa-apa cara kunci, lampu atau cahaya di penjara atau harta lain yang tiada kena mengena dengannya ;
- (bb) mencuri pakaian penjara atau mana-mana bahagian barang penjara kepunyaan mana-mana banduan lain ;
- (cc) melakukan kacau ganggu di mana-mana bahagian penjara ;
- (dd) berludah di atas atau selainnya mengotori mana-mana lantai, pintu, dinding atau bahagian lain bangunan penjara atau mana-mana artikel dalam penjara ;
- (ee) dengan sengaja mengotorkan telaga, tandas, tempat membasuh atau tempat mandi ;
- (ff) merosakkan pokok-pokok dalam kepungan dalam kawasan penjara ;
- (gg) tidak atau enggan menjaga dengan munasabahnya segala harta penjara yang diamanahkan kepadanya ;
- (hh) tidak atau enggan menjaga dengan munasabahnya atau merosakkan atau menyalahgunakan, barang dan perkakas yang diamanahkan kepadanya untuk kegunaan kerja ;
- (ii) tidak melaporkan dengan serta-merta apa-apa kehilangan, kepecahan atau kerosakan yang disebabkan oleh kepada harta atau perkakas penjara ;
- (jj) membuat apa-apa artikel tanpa pengetahuan atau kebenaran pegawai penjara ;
- (kk) membuat mana-mana bahagian kerja yang diuntukkan kepada seorang banduan lain, atau mendapatkan bantuan seorang banduan lain dalam membuat kerjanya sendiri ;
- (ll) menguntukkan mana-mana bahagian kerja yang dibuat oleh banduan lain ;
- (mm) mencampurkan atau menambah benda asing kepada bahan yang diberikan untuk pekerjaan ;
- (nn) memaki atau menyumpah, atau menggunakan perkataan yang lucah, keras, mengancam atau mencerca ;
- (oo) menyebabkan atau tidak membantu menghapuskan kekerasan atau apa-apa keingkaran perintah ;
- (pp) berkelakuan tidak bermoral, tidak senonoh atau lucah ;
- (qq) tidak atau enggan menolong mana-mana pegawai penjara sekiranya berlaku percubaan milarikan diri atau serangan ke atas pegawai atau seseorang banduan lain ;
- (rr) bermalas-malasan atau enggan bekerja atau menunjukkan kecuaian dalam membuat kerja yang diuntukkan baginya ;
- (ss) mencacatkan atau merosakkan dinding, perabot atau harta lain penjara ;
- (tt) berpura-pura sakit ;
- (uu) enggan menjalani rawatan perubatan ;

- (vv) bersubahat melakukan mana-mana kesalahan kecil penjara ;
- (ww) apa-apa perbuatan atau peninggalan lain yang menjelaskan ketenteraman atau tata tertib sungguhpun tidak dinyatakan dalam perenggan yang disebut terdahulu ; dan
- (xx) perbuaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut terdahulu.

### **Peraturan 123. Kesalahan besar penjara**

Berikut ialah kesalahan-kesalahan besar penjara :

- (a) dahagi atau menghasut supaya berlakunya dahagi ;
- (b) melarikan diri atau cuba melarikan diri ;
- (c) mempunyai dalam milikan atau di bawah kawalan atau jagaan atau mengagihkan atau menyalahgunakan apa-apa dadah berbahaya atau bahan atau tembakau atau apa-apa senjata berbahaya ;
- (d) mengambil bahagian dalam sesuatu serangan atau serbuan ke atas seseorang pegawai penjara ;
- (e) amang teruk atau bertalu-talu ke atas seseorang banduan lain ;
- (f) dengan sengaja merosakkan harta penjara ;
- (g) dengan sengaja menyebabkan sakit, kecederaan atau hilang upaya pada dirinya atau orang lain ;
- (h) dengan sengaja membuat tuduhan palsu atau tidak berasas atau daduan terhadap seseorang pegawai penjara atau pekerja lain penjara ;
- (i) mengulangi sesuatu kesalahan kecil setelah dua kali dihukum kerana kesalahan kecil yang sama itu ;
- (j) apa-apa perbuatan salah laku atau ingkar perintah yang besar ;
- (k) bersubahat melakukan suatu kesalahan penjara yang besar ;
- (l) menggunakan bahasa yang kesat atau menyakiti hati yang terlampau terhadap seseorang pegawai penjara atau pekerja atau pekerja lain penjara ;
- (m) apabila menjalani, atau sebelum sahaja menjalani hukuman, dengan sengaja menyebabkan kekacauan yang dimaksudkan untuk mengganggu kenteteraman penjara ;
- (n) menahan dengan salah mana-mana orang ;
- (o) mengambil bahagian dalam apa-apa bentuk mogok ;
- (p) cuba membunuh diri ; dan
- (q) cuba melakukan mana-mana kesalahan yang disebut terdahulu

## **Peraturan 124. Hukuman yang diawardkan oleh Pegawai yang Menjaga bagi kesalahan kecil penjara**

Seseorang Pegawai yang Menjaga boleh menghukum seseorang banduan yang, selepas menjalankan siasatan sewajarnya didapati bersalah melakukan kesalahan kecil penjara, dengan memerintahkannya menjalani satu hukuman atau lebih yang berikut :

- (a) celaan ;
- (b) pengurangan peringkat bagi tempoh yang tidak melebihi dua bulan ;
- (c) penangguhan kenaikan peringkat bagi tempoh yang tidak melebihi dua bulan ;
- (d) pelucutahan keistimewaan bagi tempoh yang tidak melebihi dua bulan ;
- (e) penyingkiran daripada Skim Pendapatan bagi tempoh yang tidak melebihi tiga bulan ;
- (f) pengurangan gred pendapatan sehingga suatu masa banduan itu dianggap layak dikembalikan kepada gred asal oleh sebab kelakuan baik dan kemahiran dalam pertukangannya ;
- (g) pelucutahan remitan yang tidak melebihi empat belas hari ;
- (h) pengurangan berasingan dalam sel dengan diet terhad yang ditetapkan dalam Jadual Pertama bagi tempoh tidak melebihi empat belas hari

## **Peraturan 125. Hukuman yang diawardkan oleh Pegawai yang Menjaga bagi kesalahan besar penjara**

Seseorang Pegawai yang Menjaga boleh menghukum seseorang banduan yang, selepas menjalankan siasatan sewajarnya, didapati bersalah melakukan kesalahan besar penjara dengan memerintahkannya menjalani satu hukuman atau lebih yang berikut :

- (a) celaan ;
- (b) pengurangan peringkat bagi tempoh yang tidak melebihi empat bulan ;
- (c) penangguhan kenaikan peringkat bagi tempoh yang tidak melebihi empat bulan ;
- (d) pelucutahan keistimewaan bagi tempoh yang tidak melebihi empat bulan ;
- (e) penyingkiran daripada Skim Pendapatan bagi tempoh yang tidak melebihi enam bulan ;
- (f) pengurangan gred pendapatan sehingga suatu masa banduan itu dianggap layak dikembalikan kepada gred asal oleh sebab kelakuan dan kemahiran dalam pertukangannya ;
- (g) pelucutahan remitan yang tidak melebihi tiga bulan hari ;
- (h) pengurangan berasingan dalam sel dengan diet terhad yang ditetapkan dalam Jadual Pertama bagi tempoh yang tidak melebihi dua puluh satu hari ;
- (i) hukuman sebat yang tidak melebihi dua belas sebatan dengan rotan.

## **Peraturan 126. Pemeriksaan perubatan bagi banduan yang diaward hukuman**

Tiap-tiap banduan yang dihukum memakan diet hukuman atau sebat hendaklah dihantar kepada Pegawai Perubatan untuk diperiksa, dan suatu perakuan bahawa hukuman itu tidak mungkin mendatangkan kecederaan yang teruk atau kekal hendaklah didapatkan oleh Pegawai yang Menjaga sebelum hukuman itu dijalankan.

## **Peraturan 127. Pakaian dan kelengkapan tempat tidur bagi banduan yang menjalani hukuman**

Seseorang banduan yang menjalani hukuman hendaklah dibekali dengan pakaian dan kelengkapan tempat tidur sebagaimana yang perlu.

## **Peraturan 128. Diet penuh selepas 3 hari memakan diet terhad**

Bilamana seseorang banduan dihukum menjalani pengurangan rapi dalam suatu sel hukuman bagi tempoh yang melebihi tiga hari dengan diberikan diet terhad, dia hendaklah diberikan diet penuh pada tiap-tiap hari yang keempatnya.

## **Peraturan 129. Tempoh maksimum bagi pengurungan rapi dalam satu tahun**

Pengurangan dalam sel hukuman tidak boleh lebih daripada agregat sembilan puluh hari dalam satu tahun bagi mana-mana satu banduan dan pelaksanaan mana-mana dua hukuman yang berturut-turut hendaklah dipisahkan oleh tempoh yang tiada kurang pendeknya daripada tempoh hukuman yang lebih lama.

## **Peraturan 130. Melawat banduan dalam kurungan rapi**

(1) Seseorang banduan yang dihukum kurung dalam sel hukuman tidak boleh berjumpa dengan sesiapa selain pegawai penjara yang menjalankan tugas mereka dan Pegawai Perubatan, dan hendaklah membuat hanya senaman di luar sebagaimana yang diperakui oleh Pegawai Perubatan sebagai benar-benar perlu bagi kesihatan.

(2) Tiap-tiap banduan yang dikurung dalam sesuatu sel hukuman atau dihukum memakan diet terhad hendaklah dilawati sekurang-kurangnya sekali sehari oleh Pegawai yang Menjaga dan Pegawai Perubatan, dan jika banduan itu dikurung dalam suatu sel hukuman, dia hendaklah dilawati oleh pegawai penjara yang ditetapkan dengan kerap.

### **Peraturan 131. Hukuman sebat**

- (1) Apabila mana-mana hukuman sebat dijatuhkan ke atas seseorang banduan di bawah Peraturan-Peraturan ini, dia tidak boleh dikenakan lebih daripada satu hukuman berkenaan dengan perbuatan atau perbuatan-perbuatan, atau peninggalan atau peninggalan-peninggalan yang kerananya dia dihukum.
- (2) Sesuatu hukuman sebat tidak boleh dikenakan kepada banduan perempuan atau banduan lelaki yang berumur lebih daripada 50 tahun.
- (3) Sesuatu hukuman sebat yang lebih daripada sepuluh kali sebat dengan rotan ringan tidak boleh dijatuhkan atau dikenakan ke atas seseorang banduan muda dan bilangan maksimum sebatan yang boleh diawardkan kepada banduan muda oleh Pegawai yang Menjaga ialah enam.
- (4) Hukuman sebat dengan rotan hendaklah dikenakan pada punggung pesalah itu.
- (5) Bagi maksud hukuman di bawah peraturan ini, rotan yang digunakan ---
- (a) dalam hal seseorang dewasa, tidak boleh lebih daripada 1.25 sentimeter garis pusatnya ; dan
  - (b) dalam hal banduan yang muda, ialah rotan yang ringan

### **Peraturan 132. Menjalankan hukuman**

- (1) Apa-apa hukuman yang sah di sisi undang-undang yang dikenakan ke atas mana-mana banduan boleh dijalankan dalam mana-mana penjara atau sebahagiannya dalam suatu penjara dan sebahagian lagi dalam suatu penjara yang lain.
- (2) Hukuman sebat tidak boleh dikenakan dengan beransur-ansur.

### **Peraturan 133. Kedah-kaedah bagi mengenakan hukuman sebat**

- (1) Pada masa menjalankan tiap-tiap hukuman Pegawai yang Menjaga dan Pegawai Perubatan hendaklah hadir dan Pegawai Perubatan hendaklah memberikan arahan-arahan yang difikirkannya perlu bagi mencegah kemudaratan kepada kesihatan dan Pegawai yang Menjaga atau mana-mana pegawai lain yang dilantik bagi maksud itu hendaklah menjalankan arahan-arahan sedemikian itu.
- (2) Hukuman sebat tidak boleh, kecuali dengan perintah khas dalam hal kecemasan, dikenakan dalam masa dua puluh empat jam dari hukuman itu diawardkan.

### **Peraturan 134. Peremitan hukuman sebat**

Pada bila-bila masa setelah hukuman sebat dikenakan Pegawai Perubatan, jika difikirkannya perlu bagi mencegah kemudaratan kepada kesihatan banduan itu, boleh mengesyorkan supaya tiada apa-apa hukuman boleh dikenakan lagi, dan dengan yang demikian Pegawai yang Menjaga hendaklah meremitkan hukuman yang selebihnya itu.

### **Peraturan 135. Rekod hukuman sebat**

Pegawai yang Menjaga hendaklah mencatatkan ke dalam buku hukuman sebat masa hukuman itu dikenakan, bilangan sebat yang dikenakan dan apa-apa perintah yang diberikan oleh Pegawai Perubatan mengenai remitan.

### **Peraturan 136. Penyata hukuman sebat**

Suatu penyata bagi semua hukuman sebat yang dikenakan dengan perintah seseorang Pegawai yang Menjaga hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah pada tiap-tiap bulan.

### **Peraturan 137. Rekod hukuman**

Pegawai yang Menjaga hendaklah mencatatkan atau menyebabkan supaya dicatatkan ke dalam Buku Hukuman suatu rekod bagi tiap-tiap banduan yang dihukum di bawah Peraturan-Peraturan ini, yang menunjukkan tarikh dan jenis kesalahan dan hukuman, nama banduan dan pihak berkuasa yang menguruskan kes itu, dan apa-apa arahan yang diberikan oleh Pegawai Perubatan ; dan suatu rekod mengenai hukuman itu hendaklah dicatatkan juga ke dalam rekod peribadi banduan itu.

### **Peraturan 138. Pendakwaan dalam mahkamah**

Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh ditafsirkan sebagai mengecualikan mana-mana banduan daripada tindakan yang diambil terhadap apa-apa kesalahan melalui perjalanan biasa undang-undang, tetapi tiada banduan boleh dihukum dua kali bagi kesalahan yang sama.

### **Peraturan 139. Alat belenggu**

(1) Alat belenggu seperti gari, rantai, besi dan baju pasung tidak boleh sekali-kali digunakan sebagai hukuman atau belenggu kecuali dalam hal keadaan yang berikut :

- (a) sebagai langkah berjaga-jaga terhadap kelarian ;
- (b) atas alasan perubatan dengan arahan Pegawai Perubatan ;
- (c) dengan perintah Pegawai yang Menjaga, jika kaedah-kaedah lain gagal, bagi menghalang seseorang banduan daripada mencederakan dirinya atau orang lain atau daripada memusnahkan harta.

(2) Corak dan cara penggunaan alat belenggu hendaklah diputuskan oleh Ketua Pengarah dan alat itu tidak boleh digunakan bagi apa-apa tempoh masa yang lebih lama daripada yang betul-betul perlu.

## **Peraturan 140. Pengurungan sementara dalam sel khas**

Pegawai yang Menjaga boleh memerintahkan mana-mana banduan yang tegar hati atau ganas dikurung secara sementara dalam sel khas, tetapi tiada seorang pun banduan boleh dikurung dalam sel sebagai hukuman atau bagi tempoh yang lebih lama daripada yang perlu.

## **BAHAGIAN 13 - KELARIAN**

### **Peraturan 141. Menjaga tangga, papan, dsb.**

Pegawai penjara hendaklah berjaga-jaga dengan bersungguh-sungguh untuk mencegah kelarian mana-mana banduan dan tiada tangga, papan, tali, rantai atau apa-apa jua yang mungkin memudahkan banduan melarikan diri boleh dibiarkan tidak terjaga dalam mana-mana penjara.

### **Peraturan 142. Tindakan sekiranya ada kejadian kelarian**

Apabila menerima laporan bahawa seseorang banduan telah melarikan diri, Pegawai yang Menjaga hendaklah ---

- (a) memerintahkan supaya penjara dan kawasan yang berhampiran dengannya digeledah dengan serta-merta ;
- (b) memberitahu Ketua Pengarah dengan serta-merta ;
- (c) mengedarkan pemberitahuan mengenai kelarian itu dan perihalan banduan itu kepada pihak polis dan pihak berkuasa lain yang berkaitan

### **Peraturan 143. Pengawasan khas banduan yang lepas lari**

Banduan-banduan yang semasa ditahan dahulu dalam mana-mana jagaan yang sah di sisi undang-undang yang telah melepaskan diri atau cuba melepaskan diri akan dianggap dan dikira sebagai banduan berpotensi melarikan diri dari penjara, melainkan jika Pegawai yang Menjaga bagi apa-apa sebab khas mengarahkan selainnya.

### **Peraturan 144. Tempoh pemelarian tidak boleh dikira sebagai sebahagian daripada hukuman**

Tempoh yang seseorang banduan yang melarikan diri bebas tidak boleh dikira sebagai sebahagian daripada hukuman yang sedang dijalani pada masa dia melarikan diri.

## **BAHAGIAN 14 - AJARAN AGAMA DAN PENDIDIKAN**

### **Peraturan 145. Banduan kena menyatakan anutan agama**

Tiap-tiap banduan semasa dimasukkan hendaklah dikehendaki menyatakan anutan agamanya dan hendaklah terus dianggap sebagai anggota anutan itu.

### **Peraturan 146. Pertukaran agama**

Seseorang banduan tidak boleh dibenarkan menukar agamanya kecuali dalam apa-apa hal yang khas yang Pegawai yang Menjaga itu berpuas hati, selepas penyiasatan yang sewajarnya, bahawa pertukaran itu datang daripada motif hati nurani dan bukannya daripada apa-apa helah atau hasrat untuk melarikan diri daripada tatatertib penjara.

### **Peraturan 147. Pendidikan agama**

Pegawai yang Menjaga hendaklah membuat perkiraan untuk mengadakan pendidikan agama atau moral bagi banduan di bawah jagaannya oleh orang yang berikut :

- (a) pegawai penjara yang berkelayakan menjadi guru agama ;
- (b) berkenaan dengan banduan yang beragama Islam, mana-mana orang yang diberikan "tauliah" di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pentadbiran agama Islam ; dan
- (c) berkenaan dengan banduan yang bukan beragama Islam, seseorang yang dinamakan oleh mana-mana persatuan agama yang berdaftar dengan sahnya.

### **Peraturan 148. Amalan dan ajaran agama**

Peruntukan hendaklah dibuat bagi mengamalkan agama, bagi lawatan kakitangan agama atau anggota lain persatuan agama yang berdaftar dengan sahnya dan bagi pengajaran moral dan agama kepada banduan.

### **Peraturan 149. Lawatan oleh kakitangan agama atau anggota lain persatuan agama**

- (1) Kakitangan agama daripada Jabatan Kerajaan atau anggota persatuan agama yang berdaftar dengan sahnya boleh dibenarkan masuk pada masa yang munasabah dan sesuai ke dalam penjara untuk melawat banduan yang berkehendakkan perkhidmatan mereka.
- (2) Pegawai yang Menjaga hendaklah mempunyai hak untuk membantah lawatan atau menghentikan perkhidmatan ini pada bila-bila masa demi kepentingan keselamatan penjara.

## **Peraturan 150. Buku agama**

Maka hendaklah boleh didapati setakat yang praktik bagi kegunaan sendiri tiap-tiap banduan buku agama dan ajaran agama dan apa-apa artikel keagamaan yang lain yang diiktiraf bagi anutannya yang diterima oleh Pegawai yang Menjaga bagi kegunaan dalam penjara.

## **BAHAGIAN 15 - PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN AM**

### **Peraturan 151. Kelas pendidikan**

- (1) Di tiap-tiap penjara program kelas pendidikan hendaklah diatur dan kemudahan yang munasabah, atas syarat-syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, boleh dibenarkan kepada banduan yang ingin, pada masa lapangannya, memperbaiki pendidikan mereka melalui kursus korespondens atau pengajian persendirian atau untuk berlatih kraf tangan.
- (2) Perhatian khas hendaklah diberikan kepada pendidikan bagi banduan buta huruf dalam masa yang ditentukan oleh Pegawai yang Menjaga.
- (3) Tiap-tiap banduan yang boleh mendapat manfaat melalui kemudahan pendidikan yang disediakan hendaklah digalakkan untuk berbuat demikian.

### **Peraturan 152. Perpustakaan**

Suatu perpustakaan hendaklah disediakan dalam tiap-tiap penjara, dan, tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini dan kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, tiap-tiap banduan hendaklah dibenarkan mempunyai buku perpustakaan dan bertukar-tukar buku dengan seberapa kerap yang boleh dilaksanakan.

### **Peraturan 153. Bahan bacaan**

Banduan boleh menerima bahan bacaan daripada luar penjara atas syarat-syarat yang ditentukan oleh Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 154. Ceramah dan konsert, dsb.**

Pegawai yang Menjaga boleh mengatur supaya diadakan ceramah, konsert, debat dan program lain bagi banduan dalam masa yang ditentukan oleh Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 155. Latihan fizikal dan rekreasi**

Di setiap penjara kemudahan akan disediakan untuk latihan fizikal, permainan dan bagi rekreasi untuk kedua-dua fizikal dan mental.

## **Peraturan 156. Guru sukrela**

Ketua Pengarah boleh, atas syor Pegawai yang Menjaga, melantik sebilangan pelawat penjara sebagai guru sukarela bagi maksud melawat banduan secara kerap semasa tempoh mereka dipenjarakan dan bagi mengendalikan apa-apa kelas yang diluluskan.

## **BAHAGIAN 16 – PERAYU**

### **Peraturan 157. Perayu**

Seseorang perayu ialah seseorang yang telah disabitkan dan berhasrat untuk merayu terhadap hukumannya atau sabitannya atau kedua-duanya.

### **Peraturan 158. Permohonan oleh perayu**

(1) Seseorang banduan menjadi seorang perayu pada hari yang notis rayuan ditandatangani atau permohonan bagi kebenaran untuk merayu, atau permohonan bagi pelanjutan masa untuk merayu, dihantar kepada mahkamah.

(2) Pada mengira masa yang dibenarkan untuk memberi notis rayuan, hari yang hukuman dijatuahkan adalah tidak dikira.

### **Peraturan 159. Pemerlakuan perayu**

Seseorang perayu hendaklah, setakat yang boleh, diasingkan daripada kategori lain banduan.

### **Peraturan 160. Surat dan kemudahan untuk merayu**

(1) Kertas dan segala bahan bertulis lain, setakat yang ternyata munasabah pada Pegawai yang Menjaga hendaklah diberikan kepada perayu yang menghendaki dibekalkan sedemikian bagi maksud berhubung dengan rakan atau menyediakan rayuannya.

(2) Apa-apa komunikasi bertulis yang sulit yang disediakan untuk penasihat undang-undangnya boleh diserahkan sendiri kepadanya atau kakitangannya yang diberi kuasa tanpa terlebih dahulu diperiksa oleh pegawai penjara.

(3) Segala komunikasi bertulis yang lain hendaklah dianggap sebagai surat dan hendaklah dianggap sebagai sedemikian.

### **Peraturan 161. Jagaan perayu**

(1) Seseorang perayu yang apabila berada dalam jagaan dibawa ke suatu tempat yang dia berhak hadir bagi maksud rayuan, atau ke suatu tempat di mana Mahkamah Tinggi dalam bidang kuasa rayuannya atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan atau mana-mana hakimnya boleh memerintahkan supaya dia dibawa bagi maksud mana-mana prosiding di mahkamah itu hendaklah ketika tidak berada di penjara, dijaga oleh pegawai yang diarahkan oleh

Pegawai yang Menjaga supaya menghantarnya ke tempat itu.

(2) Seseorang perayu apabila tidak berada di penjara di bawah peraturan ini hendaklah memakai pakaianya sendiri, atau jika pakaianya sendiri tidak boleh digunakan, pakaian yang berlainan daripada pakaian penjara.

### **Peraturan 162. Pembayaran bagi kerja kepada perayu**

(1) Tiap-tiap perayu hendaklah mempunyai pilihan bekerja dalam penjara atas pilihannya sendiri.

(2) Sekiranya seseorang perayu yang memilih untuk bekerja sedemikian, dia hendaklah menerima bayaran mengikut kadar yang ditentukan mengikut Bahagian 9 Peraturan-Peraturan ini.

(3) Jika seseorang perayu diperintahkan supaya dilepaskan oleh Mahkamah Tinggi dalam bidang kuasa rayuannya atau oleh Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, bayaran boleh dibuat kepadanya berkenaan dengan kerjanya.

### **Peraturan 163. Tempoh yang dihabiskan sebagai perayu dikira dalam mengira hukuman**

Tempoh yang seseorang banduan dianggap sebagai perayu hendaklah dikira dalam mengira tempoh pemenjaraannya.

### **Peraturan 164. Perayu tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini**

Seseorang perayu hendaklah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini kecuali setakat yang Peraturan-Peraturan ini tidak selaras dengan Bahagian ini.

## **BAHAGIAN 17 - BANDUAN YANG BELUM DISABITKAN**

### **Peraturan 165. Pengasingan daripada orang yang disabitkan**

Banduan yang belum disabitkan tidak boleh sekali-kali dikurung bercampuran dengan banduan yang disabitkan dan boleh dibenarkan bercampur dengan banduan yang disabitkan atas syarat-syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

### **Peraturan 166. Pekerjaan**

(1) Banduan yang belum disabitkan tidak dikehendaki melakukan apa-apa kerja selain apa yang diperlukan untuk menjaga kebersihan bilik dan perkakasnya.

(2) Jika mana-mana banduan berhasrat untuk bekerja dan adalah praktik dan selamat untuk membenarkannya berbuat demikian, pekerjaan daripada jenis yang sesuai hendaklah disediakan untuknya dan Pegawai yang Menjaga hendaklah membayar upah sebagaimana yang ditentukan mengikut Bahagian 9 Peraturan-Peraturan ini.

(3) Sekiranya berlaku salah laku semasa bekerja oleh mana-mana banduan, pekerjaan selanjutnya boleh ditolak oleh Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 167. Makanan dan keperluan lain**

- (1) Seseorang banduan yang belum disabitkan boleh dibenarkan membeli makanan atau keperluan dari kantin penjara sebagaimana yang diberikan oleh Pegawai yang Menjaga.
- (2) Tertakluk kepada Perintah Tetap Ketua Pengarah, banduan ini boleh menggunakan wang simpanan mereka sendiri melalui pejabat rekod atau yang diperuntukkan oleh keluarga.

### **Peraturan 168. Pakaian dan kelengkapan tempat tidur**

- (1) Seseorang banduan yang belum disabitkan hendaklah dibenarkan memakai pakaianya sendiri dan mendapatkan untuk dirinya atau menerima pada waktu yang sesuai apa-apa artikel pakaian sebagaimana yang diluluskan oleh Pegawai yang Menjaga.
- (2) Seseorang banduan yang belum disabitkan yang tidak mempunyai pakaianya sendiri hendaklah disediakan dengan pakaian penjara.
- (3) Kelengkapan tempat tidur hendaklah disediakan bagi semua banduan yang belum disabitkan.

### **Peraturan 169. Diet penjara**

Seseorang banduan yang belum disabitkan yang tidak memilih untuk menyediakan makanannya sendiri, hendaklah menerima skala diet yang sama seperti banduan yang disabitkan.

### **Peraturan 170. Penasihat perubatan persendirian**

Seseorang banduan yang ditahan secara reman atau yang dikomitkan untuk dibicarakan hendaklah, jika perlu bagi maksud pembelaannya, dibenarkan berjumpa pengamal perubatan berdaftar yang dilantik olehnya atau oleh saudara-mara atau rakan atau penasihat undang-undangnya pada mana-mana hari bekerja pada masa yang munasabah, dalam penglihatan tetapi bukan pendengaran, Pegawai Yang Menjaga atau pegawai yang ditugaskan olehnya.

### **Peraturan 171. Lawatan**

- (1) Seseorang banduan yang ditahan secara reman atau yang dikomitkan untuk dibicarakan hendaklah dilawati oleh saudara-maranya satu kali seminggu selama empat puluh lima minit.
- (2) Tidak lebih daripada lima orang boleh dibenarkan melawat seseorang banduan pada mana-mana satu masa.
- (3) Bilangan pelawat boleh ditentukan oleh Pegawai yang Menjaga dalam hal keadaan yang

difikirkannya sesuai.

(4) Seseorang banduan yang ditahan secara reman atau yang dikomitkan untuk dibicarakan, bagi maksud hukumannya boleh dibenarkan berjumpa penasihat undang-undangnya atas temu janji pada waktu yang munasabah sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 172. Penyahjangkitan pakaian**

Apabila banduan yang belum disabitkan memakai pakaianya sendiri dalam penjara, Pegawai Perubatan boleh, bagi maksud mencegah kemasukan atau merebaknya penyakit yang berjangkit, memerintahkan supaya pakaian itu dinyahjangkitkan, dan semasa proses penyahjangkitan itu banduan itu hendaklah dibenarkan memakai pakaian penjara.

### **Peraturan 173. Banduan yang belum disabitkan tidak memperoleh remitan**

Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini yang berhubungan dengan remitan hukuman bagi Sistem Peringkat Progresif boleh terpakai bagi banduan yang belum disabitkan.

### **Peraturan 174. Banduan yang dipertuduh dengan kesalahan yang dihukum mati**

(1) Seseorang banduan yang belum disabitkan yang dipertuduh dengan kesalahan yang dihukum mati akan diletakkan di bawah pemerhatian khas pada sepanjang masa.

(2) Segala surat yang ditulis atau yang diterima oleh seseorang banduan yang dipertuduh dengan kesalahan yang dihukum mati hendaklah diperiksa dengan teliti oleh Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 175. Pelucuthakan keistimewaan**

(1) Mana-mana keistimewaan yang dibenarkan di bawah Bahagian ini boleh pada bila-bila masa ditarik balik oleh Pegawai yang Menjaga jika berpuas hati bahawa terdapat penyalahgunaan keistimewaan itu.

(2) Pegawai yang Menjaga boleh mengubahsuaikan tugas harian penjara berkenaan dengan banduan yang belum disabitkan setakat untuk mengenepikan apa-apa amalan yang, pada pendapat Pegawai yang Menjaga, adalah jelas tidak perlu atau tidak sesuai dalam hal banduan tertentu.

## **BAHAGIAN 18 - BANDUAN DI BAWAH HUKUMAN MATI**

### **Peraturan 176. Pemeriksaan dan penempatan**

(1) Tiap-tiap banduan yang dijatuhi hukuman mati hendaklah diperiksa secara menyeluruh, dan apa-apa artikel hendaklah dialihkan daripadanya yang dianggap berbahaya atau tidak suaimanfaat untuk dibiarkan dalam milikannya.

(2) Seseorang banduan yang dijatuhi hukuman mati hendaklah dikurung dalam sel yang

berasingan yang diasingkan daripada semua banduan lain dan diletakkan di bawah penyeliaan berterusan pegawai penjara pada waktu siang dan malam.

(3) Sel yang dalamnya banduan itu dikurung hendaklah pada tiap-tiap keadaan diperiksa terlebih dahulu oleh Pegawai yang Menjaga atau seseorang pegawai yang ditugaskan olehnya yang hendaklah berpuas hati mengenai kesesuaianya dan keselamatannya dan membuat catatan berbuat demikian ke dalam jurnalnya.

(4) Sel atau bilik itu tidak boleh tidak berkunci kecuali di bawah penyeliaan pegawai penjara dan ia hendaklah diperiksa dengan menyeluruh dan digeledah setiap hari semasa dihuni oleh banduan hukuman mati.

### **Peraturan 177. Lawatan oleh kakitangan agama**

(1) Seseorang banduan di bawah hukuman mati hendaklah ditanya jika dia ingin berjumpa seseorang kakitangan agama dan jika dia berhasrat sedemikian, seorang kakitangan agama yang sama anutan dengannya hendaklah, jika praktik, disuruh melawat banduan itu pada jangka masa yang diluluskan oleh Pegawai yang Menjaga.

(2) Lawatan itu hendaklah dilakukan dalam penglihatan dan pendengaran pegawai penjara.

### **Peraturan 178. Surat**

(1) Seseorang banduan di bawah hukuman mati hendaklah diberikan kemudahan untuk berhubung dengan penasihat undang-undangnya, saudara maranya atau dalam hal seseorang banduan asing, wakil konsularnya.

(2) Seseorang banduan di bawah hukuman mati berhak menulis satu surat dalam seminggu kepada saudara-maranya.

### **Peraturan 179. Lawatan**

(1) Tiada seorang pun, kecuali Pegawai Perubatan dan pegawai penjara, dalam menjalankan tugas, dan, jika dikehendaki oleh banduan itu, seorang kakitangan agama yang anutannya sama dengan banduan itu boleh mempunyai akses kepada mana-mana banduan itu di bawah hukuman mati tanpa perintah bertulis daripada Pegawai yang Menjaga.

(2) Pegawai yang Menjaga atau seseorang pegawai penjara yang ditugaskan olehnya hendaklah hadir di sepanjang tiap-tiap temu bual itu.

(3) Sesuatu lawatan kepada banduan di bawah hukuman mati, sama ada oleh penasihat undang-undangnya atau orang lain, hendaklah dilakukan dalam penglihatan dan pendengaran seseorang pegawai penjara walaupun lawatan sedemikian itu mungkin berhubung dengan sesuatu rayuan.

(4) Banduan sedemikian hendaklah menerima lawatan daripada saudara-maranya selama empat puluh lima minit tiap-tiap minggu atau menulis satu surat sebagai ganti.

(5) Walau apa pun subperaturan (4), Pegawai yang Menjaga boleh mengubah jangka masa lawatan sebagaimana yang difikirkannya patut.

### **Peraturan 180. Pakaian, makanan, dsb.**

Seseorang banduan di bawah hukuman mati hendaklah disediakan dengan pakaian, makanan dan kelengkapan tempat tidur dan apa-apa artikel lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

### **Peraturan 181. Pekerjaan dan kebersihan diri**

Seseorang banduan di bawah hukuman mati tidaklah tertakluk kepada pekerjaan kecuali bagi menjaga diri dan pakaianya dalam keadaan yang elok dan tempat yang dia dikuang itu bersih.

### **Peraturan 182. Pelaksanaan hukuman mati**

- (1) Pegawai yang Menjaga hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan hukuman mati dan dia dan pegawai penjara yang terlibat hendaklah membiasakan diri mereka sendiri dengan arahan untuk menjalankan hukuman mati.
- (2) Pegawai yang Menjaga dan pegawai penjara lain yang terlibat akan memuaskan hati mereka bahawa tiap-tiap langkah berjaga-jaga telah diambil untuk memastikan bahawa hukuman mati dijalankan dengan cekap dan segera mengikut arahan-arahan dan bahawa tempat gantung dan segala peralatan berkaitan dengan pelaksanaan hukuman mati itu disenggarakan dalam keadaan baik dan tersusun.
- (3) Segala hukuman mati hendaklah dijalankan mengikut arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah dan ketertiban yang sewajarnya hendaklah dipatuhi oleh semua orang yang berkenaan.
- (4) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang lain, tiada seorang pun boleh menghadiri mana-mana pelaksanaan hukuman mati selain Pegawai yang Menjaga, Pegawai Perubatan dan mana-mana pegawai penjara dan kakitangan lain yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga.

## **BAHAGIAN 19 - LEMBAGA HAKIM PELAWAT**

### **Peraturan 183. Lawatan oleh Hakim Pelawat**

- (1) Hakim Pelawat hendaklah melawat penjara yang baginya dia atau mereka telah dilantik sekali setiap bulan dan hendaklah memeriksa beberapa wad, sel, halaman, sel hukuman dan bilik dan bahagian lain penjara.
- (2) Hakim Pelawat juga boleh memeriksa jurnal, daftar dan buku penjara.

### **Peraturan 184. Hendaklah diiringi oleh pegawai penjara**

- (1) Semasa lawatan pemeriksaan, Pegawai Yang Menjaga atau pegawai penjara terkanan berikutnya tidak boleh mengiringi Hakim Pelawat, tetapi Pegawai yang Menjaga atau, jika dia tiada, pegawai kanan penjara itu hendaklah memberitahu mereka mengenai mana-mana

banduan yang ingin berjumpa dengan mereka dan hendaklah memberi mereka apa-apa bantuan semasa pemeriksaan mereka itu dan hendaklah mengarahkan mana-mana pegawai penjara mengiringinya atau mereka.

(2) Tiada seorang pun selain pegawai penjara atau kakitangan yang diambil kerja oleh jabatan penjara boleh dibenarkan mengiringi seseorang Hakim Pelawat semasa pemeriksaannya.

### **Peraturan 185. Aduan oleh banduan**

Hakim Pelawat hendaklah pada tiap-tiap lawatan mendengar apa-apa aduan yang ingin dibuat oleh mana-mana banduan dan hendaklah menanyakan terutamanya keadaan banduan-banduan yang sedang menjalani hukuman.

### **Peraturan 186. Pemeriksaan banduan**

Hakim Pelawat hendaklah melihat dan memeriksa banduan-banduan semasa bekerja dan hendaklah melawat banduan yang sakit di hospital dan banduan dalam sel dan domitori.

### **Peraturan 187. Penyalahgunaan**

Hakim Pelawat hendaklah menarik perhatian Pegawai Yang Menjaga kepada apa-apa luar aturan dalam menjalankan Peraturan-Peraturan ini, atau mengenai tataatertib atau kelakuan pegawai penjara, dan kepada apa-apa yang tidak betul pada bangunan yang nampaknya memerlukan perhatian; dan Hakim Pelawat boleh memeriksa dan mencatatkan ke dalam Buku Minit apa-apa catatan berkenaan apa-apa sebab pengaduan yang dinyatakan oleh mana-mana banduan atau berkenaan apa-apa perkara lain yang nampaknya menghendaki teguran.

### **Peraturan 188. Buku Minit**

(1) Buku Minit Hakim Pelawat hendaklah disediakan dalam setiap penjara yang dalamnya anggota Lembaga Hakim Pelawat hendaklah merekodkan lawatan mereka dan mencatatkan apa-apa catatan dan cadangan yang mungkin hendak dibuat oleh mereka.

(2) Suatu salinan catatan mereka, berserta dengan apa-apa teguran oleh Pegawai yang Menjaga, hendaklah dikemukakan kepada Pengurus Lembaga Hakim Pelawat dan Ketua Pengarah sebaik selepas pemeriksaan itu dilakukan.

## **BAHAGIAN 20 - BANTUAN KEPADA BANDUAN SELEPAS DIBEBASKAN DAN MENOLONG MEREKA SETELAH DIBEBASKAN**

### **Peraturan 189. Objektif**

Dari mula banduan menjalani hukuman, pertimbangan hendaklah diberikan selepas berunding dengan pertubuhan jagaan selepas dibebaskan yang berkenaan, kepada masa depan banduan dan bantuan yang hendaklah diberikan kepadanya pada atau selepas dia dilepaskan.

## **Peraturan 190. Penubuhan Lembaga Pembebasan**

Di setiap penjara maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Pembebasan yang dalam Bahagian ini disebut " Lembaga " yang hendaklah terdiri daripada Pegawai Yang Menjaga, dan jika boleh seorang pegawai kebajikan dan seorang wakil Jawatankuasa Bantuan Banduan Yang Telah Dibebaskan di tempat itu, jika ada.

## **Peraturan 191. Temubual dengan banduan**

Lembaga hendaklah menemubual semua banduan sewaktu diterima masuk dan dalam masa tiga bulan dari tarikh genap kena dibebaskan dan hendaklah memutuskan bentuk bantuan, jika dikehendaki, diperiksa kepada banduan itu dengan tujuan untuk pemulihannya dalam kehidupan biasa.

## **Peraturan 192. Bantuan khas**

Dalam hal istimewa, Lembaga boleh membuat apa-apa syor kepada Ketua Pengarah sebagaimana yang difikirkan mereka patut berkenaan dengan apa-apa pemberian yang disebut dalam subperaturan 30(2).

## **Peraturan 193. Pekerjaan**

Dalam hal banduan yang akan menuju ke suatu bahagian lain di Malaysia apabila dia dibebaskan, Lembaga itu hendaklah berhubung dengan wakil tempatan bagi Jawatankuasa Bantuan Banduan Yang Telah Dibebaskan, jika ada, dengan tujuan untuk mendapatkan pekerjaan untuk banduan itu dan memastikan bahawa banduan itu boleh menerima bantuan selepas dibebaskan jika dia berhasrat sedemikian.

## **BAHAGIAN 21 - TUGAS-TUGAS KETUA PENGARAH, DLL.**

### **Penggal I --- Ketua Pengarah**

## **Peraturan 194. Pemeriksaan dan laporan mengenai penjara**

(1) Ketua Pengarah hendaklah melawat dan memeriksa atau menyebabkan dilawati dan diperiksa secara berkala, menyeluruh dan sistematik tiap-tiap penjara di Malaysia.

(2) Ketua Pengarah hendaklah melaporkan apa-apa perkara yang dianggapnya patut dibawa kepada perhatian Kerajaan dan setahun sekali, hendaklah mengemukakan laporan penuh mengenai penjara di Malaysia kepada Menteri.

## **Peraturan 195. Peraturan-peraturan dan keseragaman hendaklah dikuatkuasakan**

Ketua Pengarah hendaklah, khususnya, memastikan bahawa peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini dijalankan dengan tegas dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjamin keseragaman pentadbiran kesemua penjara di Malaysia.

## **Peraturan 196. Tugas semasa melawat**

Pada setiap lawatan ke mana-mana penjara Ketua Pengarah ---

- (a) hendaklah berjumpa banduan, dan hendaklah menyiasat semua aduan dan permohonan yang dibawa oleh mana-mana banduan ;
- (b) hendaklah memberikan perhatian khas kepada yang sakit dan lemah, dan kepada banduan yang berada dalam sel hukuman ; dan
- (c) hendaklah memeriksa dan menandatangani ringkas apa-apa jurnal, daftar dan buku yang disimpan dalam penjara.

## **Peraturan 197. Perintah Tetap Ketua Pengarah**

- (1) Bagi pentadbiran dan tatatertib yang sewajarnya bagi penjara, Ketua Pengarah boleh membuat Perintah Tetap Ketua Pengarah yang tidak tak selaras dengan Peraturan-Peraturan ini.
- (2) Perintah Tetap Ketua Pengarah hendaklah mengikat kesemua pegawai penjara dan banduan.

## **Penggal II --- Pengawai Yang Menjaga**

### **Peraturan 198. Tugas Pengawai yang Menjaga**

Pegawai yang Menjaga hendaklah bertanggungjawab supaya semua undang-undang bertulis, peraturan-peraturan dan perintah yang berhubungan dengan penjara, banduan dan kakitangan dipatuhi dengan tegas dan segala rekod, akaun, dokumen dan surat menyurat disimpan dengan sewajarnya, disenggarakan dengan kemas kini dan dalam jagaan selamat dan dia hendaklah memberikan perhatian khas kepada peruntukan Bab XXVII dan XXX Kanun Tatacara Jenayah [ Akta 593 ] dan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [ Akta 91 ].

## **Peraturan 199. Pentadbiran penjara**

Pegawai yang Menjaga ---

- (a) hendaklah bertanggung bagi menguruskan dengan sewajarnya penjara yang dia telah dilantik ; dan
- (b) hendaklah menjaga supaya banduan diberikan layanan dengan berperikemanusiaan, tata tertib dikuatkuasakan dengan tegas, dan rawatan dan pemulihan dimajukan dengan sepatutnya.

## **Peraturan 200. Kawalan pegawai**

(1) Tertakluk kepada perintah Ketua Pengarah, Pegawai yang Menjaga ---

- (a) hendaklah mempunyai kawalan ke atas pegawai penjara yang dia telah dilantik ; dan
- (b) hendaklah menghendaki mereka supaya mematuhi dengan ketat peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan Perintah Tetap Ketua Pengarah.

(2) Pegawai yang Menjaga hendaklah melaporkan dengan segera apa-apa hal salah laku atau pengabaian tugas oleh seseorang pegawai penjara kepada Ketua Pengarah.

## **Peraturan 201. Jurnal**

Pegawai yang Menjaga hendaklah menyimpan suatu jurnal yang dalamnya hendaklah direkodkan segala perkara mustahak yang berhubungan dengan penjara atau banduan dan perkara-perkara yang dia diarahkan untuk menyimpan suatu rekod oleh Peraturan-Peraturan ini.

## **Peraturan 202. Penyenggaraan rekod**

Pegawai yang Menjaga hendaklah bertanggungjawab memastikan bahawa rekod yang sewajarnya disimpan mengenai segala hal keadaan, dan apa-apa surat-menyurat yang berkaitan dengan hal keadaan itu, yang menyentuh kepentingan banduan tertentu, dan hendaklah membawa kes-kes itu kepada perhatian Ketua Pengarah selepas itu, atau pada bila-bila masa, atau pada lat tempoh, sebagaimana yang sepatutnya dalam setiap hal.

## **Peraturan 203. Pemeriksaan penjara**

Pegawai yang Menjaga ---

- (a) hendaklah dengan kerapnya dan tidak boleh kurang daripada sekali sehari, memeriksa kesemua atau mana-mana bahagian penjara dan berjumpa dengan banduan, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Ketua Pengarah ; dan
- (b) hendaklah melawat kesemua atau mana-mana bahagian penjara itu pada suatu masa yang tidak ditetapkan padan waktu malam sekurang-kurangnya sekali seminggu dan

hendaklah merekodkan pemeriksaan dan lawatan itu dalam jurnalnya.

### **Peraturan 204. Aduan, dsb. oleh banduan**

Pegawai yang Menjaga ---

- (a) hendaklah memastikan supaya banduan yang hendak membuat aduan atau permohonan dibenarkan membuatnya ;
- (b) hendaklah memastikan supaya arahan Pegawai Perubatan dilaksanakan ; dan
- (c) hendaklah memberikan perhatian khas kepada banduan yang berada di hospital atau yang sedang menjalani hukuman kerana kesalahan penjara

### **Peraturan 205. Pemeriksaan makanan**

(1) Pegawai yang Menjaga hendaklah, dari semasa ke semasa, dan tidak kurang daripada dua kali seminggu, melawat banduan semasa mereka makan dan hendaklah menyiasat apa-apa aduan yang dibuat berkenaan dengan rangsum dan hendaklah mengambil tindakan segera membetulkan perkara yang diadukan itu jika pengaduan itu nampaknya wajar.

(2) Pegawai yang Menjaga hendaklah memastikan bahawa barang makanan adalah bermutu tinggi dan bahawa tiap-tiap banduan itu menerima rangsum yang dia berhak mengikut undang-undang dan bahawa tiada apa-apa lencongan daripada skala dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis Pegawai Perubatan.

### **Peraturan 206. Memastikan Akta, peraturan-peraturan dan perintah dipatuhi**

(1) Pegawai yang Menjaga ---

- (a) mestilah mahir dengan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan Perintah Tetap Ketua Pengarah dan mestilah melaksanakannya ; dan
- (b) mestilah memastikan bahawa semua pegawai memahami tugas mereka dan melaksanakannya.

(2) Selain melaksanakan tugas biasanya Pegawai yang Menjaga hendaklah, dari semasa ke semasa, menyaksikan pelaksanaan tiap-tiap tugas dalam penjara itu, supaya dia boleh mahir dengan apa jua yang dilakukan di penjara itu dan boleh membuat kemajuan atau mencadangkan kemajuan itu kepada Ketua Pengarah.

### **Peraturan 207. Menemu bual banduan sewaktu diterima masuk**

Pegawai yang Menjaga hendaklah dengan segera mengambil peluang untuk menemu bual semua banduan selepas mereka dimasukkan dan dia boleh menemu bual banduan-banduan itu sekali lagi sebelum dibebaskan.

## **Peraturan 208. Penggeledahan**

Pegawai yang Menjaga hendaklah menyebabkan diperiksa dengan kerapnya keadaan sel, kelengkapan tempat tidur, kunci, selak, palang dan lain-lain dan hendaklah menyita segala artikel yang tidak dibenarkan.

## **Peraturan 209. Perbarisan banduan**

Pegawai yang Menjaga hendaklah menerima laporan yang mengira semua banduan dalam jagaannya setiap hari pada masa penjara itu ditutup dan dibuka dan apabila dikurung selepas balik dari kerja setiap pagi dan tengah hari.

## **Peraturan 210. Kematian banduan**

Pegawai yang Menjaga hendaklah, apabila seseorang banduan itu sakit teruk atau mati, memberitahu dengan segera kepada saudara-mara banduan atau si mati, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diketahui dan yang senang sekali dihubungi.

## **Peraturan 211. Majistret hendaklah diberitahu**

Pegawai yang Menjaga hendaklah, apabila mana-mana banduan itu mati, memberitahu dengan segera tentang kematian itu kepada balai polis dan Majistret yang berhampiran sekali dalam Negeri itu dan hendaklah juga melaporkan kematian itu dengan seberapa segera yang boleh kepada Ketua Pengarah.

## **Peraturan 212. Syor oleh Pegawai Perubatan**

Pegawai yang Menjaga hendaklah setakat yang dapat dilaksanakan melaksanakan apa-apa syor bertulis yang dibuat oleh Pegawai Perubatan, atas alasan kesihatan, bagi mengubah tata tertib atau pemerlakuan bagi mana-mana banduan atau bagi mengasingnya daripada banduan lain.

## **Peraturan 213. Banduan celaru mental**

Pegawai yang Menjaga hendaklah tanpa kelengahan melaporkan Pegawai Perubatan apa-apa kes celaru mental atau yang nampaknya seperti celaru mental dan kemudiannya dia hendaklah memberitahu Ketua Pengarah.

## **Peraturan 214. Nyawa banduan dalam bahaya kerana dipenjarakan**

Pegawai yang Menjaga hendaklah, tanpa kelengahan melaporkan kepada Ketua Pengarah apa-apa kes yang Pegawai Perubatan berpendapat bahawa keadaan mental, mana-mana banduan itu telah rosak atau lemah oleh sebab dipenjarakan berterusan, atau nyawa mana-mana banduan itu akan berada dalam bahaya jika ditahan lebih lama lagi, atau bahawa mana-mana banduan itu tidak akan hidup sehingga habis tempoh hukumannya dan tidak sihat lansung atau buat selama-lamanya untuk mematuhi penjara.

## **Peraturan 215. Pelawat-pelawat melihat sesuatu penjara**

- (1) Pegawai yang Menjaga tidak boleh membenarkan mana-mana orang melawat sesuatu penjara melainkan jika orang itu menunjukkan suatu perintah secara bertulis daripada Menteri atau Ketua Pengarah yang membenarkannya melawat penjara itu.
- (2) Pelawat-pelawat yang dibenarkan melawat sesuatu penjara hendaklah memberikan nama dan alamat mereka dan menandatangani nama mereka dalam Buku Pelawat dan boleh diperiksa dengan perintah Pegawai yang Menjaga.
- (3) Pegawai yang Menjaga hendaklah memastikan supaya tiada seorang pun yang dibenarkan melawat sesuatu penjara itu membuat sesuatu laskar atau mengambil gambar atau membuat apa-apa rakaman audio visual atau membuat apa-apa perhubungan dengan seseorang banduan melainkan jika dibenarkan.
- (4) Tiap-tiap pelawat ke penjara hendaklah diiringi sepanjang lawatannya itu oleh seorang pegawai penjara.
- (5) Pegawai yang Menjaga boleh mengeluarkan daripada penjara itu mana-mana pelawat ke penjara itu atau kepada banduan itu yang kelakuannya tidak senonoh.

## **Peraturan 216. Memeriksa pegawai penjara, Pegawai Perubatan dan lain-lain lagi**

Mana-mana pegawai penjara, Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian atau kakitangan penjara yang diambil kerja oleh jabatan penjara boleh diperiksa dengan perintah Pegawai yang Menjaga pada bila-bila masa.

## **Peraturan 217. Buku-buku**

Pegawai yang Menjaga hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan ---

- (a) suatu Rekod Penjara bagi setiap banduan yang dikomitkan, serta hukuman, tarikh dikomitkan dan tarikh yang hukuman itu akan habis tempohnya, dan nama, umur, ketinggian, berat, tanda-tanda tertentu dan perawakan am banduan itu dan butir-butir lain yang mungkin dikehendaki dan, dalam hal banduan yang disebut dalam peraturan 43, suatu rekod remitan yang diperoleh, dan pelucutahan remitan dan tarikh paling awal yang boleh dilepaskan ;
- (b) suatu Buku Pelepasan Harian, dalam bentuk buku harian, yang dalamnya dia hendaklah mencatatkan, bila diterima masuk, nama tiap-tiap banduan mengikut tarikh pelepasan yang sepatutnya ;
- (c) suatu Buku Barang-Barang Kepunyaan Banduan yang hendaklah disimpan mengikut bentuk yang diluluskan ;
- (d) suatu Buku Hukuman Banduan yang dalamnya hendaklah direkodkan nama tiap-tiap banduan yang dihukum kerana kesalahan-kesalahan penjara, hukuman-hukuman yang dikenakan dan nama pegawai yang memerintahkan hukuman itu dan juga perakuan Pegawai Perubatan sama ada banduan itu sihat dari segi fizikal untuk menjalani hukuman sebagaimana yang diperintahkan, dan tarikhnya ;

- (e) suatu akaun tunai runcit ;
- (f) suatu akaun bagi segala penerimaan dan pembayaran ;
- (g) suatu Buku Pelawat Tidak Rasmi, yang mengandungi suatu rekod mengenai semua pelawat tidak rasmi ke penjara itu ;
- (h) suatu Buku Minit bagi Hakim Pelawat ;
- (i) suatu Buku Pelawat Rasmi ;
- (j) suatu senarai buku dan dokumen yang diletakkan dalam jagaannya ; dan
- (k) apa-apa buku atau rekod lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

### **Peraturan 218. Memeriksa bangunan, jentera, dsb.**

Pegawai yang Menjaga hendaklah memeriksa dan memastikan bahawa semua jentera dan bangunan yang bersangkutan dengan penjara itu disenggarakan dalam keadaan baik dan bahawa segala langkah keselamatan yang perlu bagi mengelakkan kemalangan kepada banduan dikuatkuasakan dengan sewajarnya.

### **Peraturan 219. Petisyen oleh banduan**

Pegawai yang Menjaga hendaklah seberapa segera yang boleh, mengemukakan kepada Ketua Pengarah apa-apa petisyen yang diterima daripada seseorang banduan.

### **Peraturan 220. Harta banduan**

Pegawai yang Menjaga hendaklah memastikan dengan khususnya bahawa tiap-tiap langkah diambil bagi menjamin jagaan selamat harta banduan dan mengelakkan harta itu daripada hilang atau dilepaskan.

### **Peraturan 221. Permintaan daripada penyelenggara setor**

Pegawai yang Menjaga hendaklah bertanggungjawab bagi memeriksa dan meluluskan segala permintaan yang dibuat kepada penyelenggara setor bagi setor dan pakaian yang hendak digunakan dalam penjara, dan dia hendaklah juga memeriksa dan meluluskan segala pesanan dan permintaan berkehendakkan barang-barang berkaitan dengan mana-mana perusahaan penjara.

### **Peraturan 222. Meninggalkan penjara**

Pegawai yang Menjaga tidak boleh meninggalkan penjara selama semalam tanpa keizinan bertulis Ketua Pengarah terlebih dahulu dan cutinya itu hendaklah dicatatkan ke dalam jurnalnya.

### **Peraturan 223. Jagaan penjara dalam hal pegawai yang Menjaga tiada**

Jagaan penjara itu hendaklah semasa ketiadaan Pegawai yang Menjaga, jatuh kepada pegawai penjara terkanan yang berikutnya dan pegawai itu hendaklah berwibawa untuk melaksanakan dan hendaklah melaksanakan apa-apa tugas yang dikehendaki dilaksanakan oleh Pegawai yang Menjaga.

### **Peraturan 224. Laporan kepada Ketua Pengarah**

Pegawai yang Menjaga hendaklah melaporkan kepada Ketua Pengarah segala kelarian, amang yang teruk, merebaknya penyakit atau apa-apa kejadian bersifat luar biasa atau serius.

### **Peraturan 225. Tindakan dalam hal kecemasan**

Dalam hal kecemasan yang mengejut Pegawai yang Menjaga hendaklah mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang perlu mengikut hal keadaannya, dengan mencatatkan butir-butir itu ke dalam jurnalnya, dan dengan serta-merta membuat suatu laporan mengenai kecemasan mengejut itu kepada Ketua Pengarah.

### **Peraturan 226. Rujukan kepada Ketua Pengarah**

Pegawai yang Menjaga hendaklah merujukkan kepada Ketua Pengarah segala soal berkenaan dengan pengurusan penjara yang tidak dapat diuruskan oleh mereka sendiri.

### **Peraturan 227. Anggaran tahunan**

Pegawai yang menjaga hendaklah menyediakan anggaran tahunan untuk penjara di bawah jagaan mereka dan menghantar anggaran tahunan itu kepada Ketua Pengarah.

### **Peraturan 228. Kawalan perbelanjaan**

Pegawai yang Menjaga hendaklah sentiasa mengawasi dengan ketat perbelanjaan wang awam yang diuntukkan bagi penjaranya ; dan dia hendaklah memastikan supaya segala wang yang diterima itu digunakan dengan sepatutnya.

### **Peraturan 229. Laporan tahunan mengenai penjara**

Pegawai yang Menjaga hendaklah memberikan Ketua Pengarah, sebelum 31 Januari setiap tahun, suatu laporan am mengenai penjara di bawah jagaannya sebagai tambahan kepada apa-apa laporan khas atau berkala sebagaimana yang dikehendaki selainnya.

### **Penggal III --- Pegawai Perubatan**

#### **Peraturan 230. Pegawai Perubatan Residen dan kehadiran di penjara**

Tiap-tiap penjara hendaklah, jika boleh, mempunyai seorang Pegawai Perubatan Residen yang hendaklah berada di penjara itu setiap hari.

#### **Peraturan 231. Pemeriksaan banduan dan lawatan kepada banduan**

Pegawai Perubatan ---

- (a) hendaklah memeriksa tiap-tiap banduan dengan seberapa segera yang boleh selepas diterima masuk dan hendaklah membuat catatan yang dikehendaki oleh peraturan 18 ke dalam Rekod Penjara ;
- (b) hendaklah memeriksa tiap-tiap banduan sebelum banduan itu disuruh bekerja ;
- (c) hendaklah memeriksa tiap-tiap banduan yang dijatuhi hukuman kerana apa-apa kesalahan penjara sebelum apa-apa hukuman itu dijalankan dan memperakui sama ada pada pendapatnya hukuman itu boleh dikenakan tanpa kemungkinan menyebabkan kecederaan yang serius ;
- (d) hendaklah memeriksa tiap-tiap banduan sebelum dibebaskan, dipindahkan atau dialihkan ;
- (e) hendaklah melawat dengan seberapa kerap yang perlu, banduan-banduan yang sakit ;
- (f) hendaklah, jika boleh, melihat tiap-tiap kanak-kanak yang menemani banduan perempuan dengan seberapa kerap yang perlu ;
- (g) hendaklah melihat tiap-tiap banduan sekali seminggu dan tiap-tiap banduan yang dikenakan hukuman kurung berasingan dalam sel dengan diet terhad yang ditetapkan sekali sehari ;
- (h) hendaklah pada masa yang tidak ditetapkan, memeriksa banduan semasa bekerja ;
- (i) hendaklah berjumpa banduan-banduan yang mengadu sakti dan melaporkan secara bertulis, kepada Pegawai yang Menjaga tentang kesihatan mereka atau selainnya untuk bekerja ; dan
- (j) hendaklah mengarahkan apa-apa ubahsuaian kerja, diet dan hukuman dalam hal-hal tertentu sebagaimana yang difikirkannya perlu.

#### **Peraturan 232. Buku Kes dan Jurnal**

- (1) Pegawai Perubatan hendaklah mencatatkan ke dalam Buku Kes, yang hendaklah disimpan dalam penjara dan yang boleh dilihat oleh Pegawai yang Menjaga, nama, penyakit, keadaan dan rawatan bagi tiap-tiap banduan yang sakit.
- (2) Pegawai Perubatan hendaklah menyimpan juga suatu Jurnal yang dalamnya hendaklah

dicatatkan tegurannya dari hari ke hari mengenai keadaan penjara dan banduan.

### **Peraturan 233. Laporan banduan celaru mental**

Pegawai Perubatan hendaklah ---

(a) melaporkan Pegawai yang Menjaga kes mana-mana banduan yang mindanya telah mendapat atau yang pada pandangannya mungkin terjejas dengan memudaratkan, dan memberikan apa-apa arahan bertulis mengenai kes itu sebagaimana yang difikirkannya patut ; dan

(b) hendaklah melaporkan kes menganai mana-mana banduan yang pada pandangannya celaru mental.

### **Peraturan 234. Banduan yang sakit**

Pegawai Perubatan hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Pegawai yang Menjaga kes mana-mana banduan yang difikirkannya perlu diambil perhatian atas alasan perubatan, dan hendaklah membuat apa-apa syor sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi mengubah tata tertib atau pemerlakuan terhadap banduan itu atau bagi membekalkan artikel tambahan kepada banduan itu.

### **Peraturan 235. Banduan yang tidak sihat bagi penjara, dsb.**

Bilamana Pegawai Perubatan berpendapat bahawa nyawa seseorang banduan akan terancam jika dia terus berada dalam penjara atau bahawa seseorang yang sakit tidak akan hidup sehingga habis tempoh hukumannya atau tidak sihat dia hendaklah menyatakan pendapatnya, dan alasan bagi pendapat itu secara bertulis kepada Pegawai yang Menjaga, yang hendaklah mengemukakan pendapat itu kepada Ketua Pengarah.

### **Peraturan 236. Pemeriksaan penjara, dsb.**

Pegawai Perubatan hendaklah memeriksa secara berkala tiap-tiap bahagian penjara terutama sekali tentang keadaan kebersihan penjara itu, kesihatan banduan dan tentang cukup atau tidak diet dan cara memasak diet itu yang betul ; dan dia hendaklah memastikan bahawa berat badan banduan itu direkodkan dengan sepatutnya dan hendaklah mengkajinya semula secara berkala.

### **Peraturan 237. Kematian seseorang banduan**

(1) Pegawai Perubatan hendaklah dengan serta-merta, apabila seseorang banduan mati, selain melalui pelaksanaan kehakiman, mencatatkan ke dalam Buku Kesnya butir-butir yang berikut :

(a) masa bila penyakit itu, jika ada, mula-mula diketahui ;

(b) masa dan tarikh bila penyakit itu mula-mula dilaporkan kepadanya ;

- (c) bila penyakit itu menjadi tenat ;
- (d) jenis penyakit atau sebab lain kematian ; dan
- (e) masa kematian dan ---
  - (i) suatu perihalan keadaan selepas kematian berserta dengan apa-apa catatan khas yang ternyata padanya perlu ; atau
  - (ii) keputusan pemeriksaan bedah siasat, jika ada.

(2) Pegawai Perubatan hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Pegawai yang Menjaga selepas sahaja tindakan yang disebut dalam subperaturan (1) diambil.

### **Peraturan 238. Pemeriksaan makanan, air, pakaian, dsb.**

Pegawai Perubatan hendaklah memeriksa dengan kerapnya makanan banduan, yang telah dimasak dan mentah, dan hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Pegawai yang Menjaga berkenaan dengan kualiti barang-barang makanan itu, dan juga sama ada pakaian dan kelengkapan tempat tidur mereka cukup, dan apa-apa kekurangan dari segi kualiti, atau kecacatan dari segi kuantiti air, atau apa-apa sebab lain yang mungkin menjelaskan kesihatan banduan-banduan.

### **Peraturan 239. Lawatan kepada banduan atas pertuduhan yang dihukum mati**

- (1) Pegawai Perubatan hendaklah melawat secara berkala tiap-tiap orang dalam penjara yang dikomitkan untuk dibicarakan atas pertuduhan yang dihukum mati, dan hendaklah membuat pemerhatian dan catatan mengenai pemerhatian itu sebagaimana yang dikehendaki untuk membolehkannya memberikan keterangan mengenai keadaan mental orang itu, jika dikehendaki, di perbicaraan itu dan dia hendaklah mencatatkan catatan itu ke dalam Buku Kesnya.
- (2) Jika seseorang yang dikomitkan untuk dibicarakan atas pertuduhan yang dihukum mati dipindahkan ke suatu penjara lain, adalah menjadi kewajipan Pegawai yang Menjaga untuk mendapatkan salinan terperaku catatan itu daripada Pegawai Perubatan dan menghantar salinan itu kepada Pegawai yang Menjaga penjara yang orang tersebut dipindahkan; dan catatan itu hendaklah dibawa kepada perhatian Pegawai Perubatan sebaik sahaja orang tersebut tiba.
- (3) Jika difikirkannya wajar, Pegawai Perubatan boleh memohon kepada Pegawai yang Menjaga untuk mendapatkan untuknya suatu salinan rekod siasatan permulaan.

### **Peraturan 240. Laporan hendaklah dibuat mengenai banduan yang dipertuduh dengan hukuman mati**

Pegawai Perubatan hendaklah, sekurang-kurangnya empat hari sebelum perbicaraan mana-mana orang atas pertuduhan yang dihukum mati mengemukakan suatu laporan secara bertulis kepada Pendakwa Raya mengenai keadaan mental banduan itu, yang menyatakan sama ada ada atau tidak apa-apa tanda hilang akal telah ditunjukkan dan sama ada banduan itu, pada

pendapatnya layak untuk membuat akuan dan jika Pegawai Perubatan berpendapat bahawa terdapat sejarah serangan hilang akal berkala yang tersendiri yang diikuti dengan lat tempoh fikirannya lapang dan bahawa banduan itu telah menikmati suatu tempoh yang waras semasa di bawah pemerhatian dalam penjara, laporannya hendaklah memasukkan pendapat ini.

#### **Peraturan 241. Pemerhatian perubatan banduan**

- (1) Pegawai Perubatan hendaklah membuat pemerhatian yang teliti mengenai keadaan mental banduan yang dijatuhi hukuman mati dan banduan hukuman lama.
- (2) Dalam hal seseorang banduan yang dihukum mati, Pegawai Perubatan hendaklah dalam masa tiga minggu dari tarikh sabitan itu mengemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri yang berkenaan yang banduan itu disabitkan suatu laporan mengenai keadaan mental banduan itu.

#### **Peraturan 242. Penyakit yang berjangkit atau merebak**

- (1) Pegawai Perubatan hendaklah memberikan arahan-arahan secara bertulis ---
  - (a) bagi mengasingkan banduan yang mengidap penyakit berjangkit atau yang merebak ;
  - (b) bagi membersihkan dan menyahjangkitkan mana-mana bilik, sel atau dormitori yang diduduki oleh mana-mana banduan itu ; dan
  - (c) bagi membersihkan, menyahjangkitakan, atau memusnahkan, jika perlu, mana-mana pakaian atau kelengkapan tempat tidur yang telah dijangkiti kuman, yang hendaklah dilakukan oleh Pegawai yang Menjaga dengan serta-merta.
- (2) Jika sekiranya berlaku sesuatu wabak, atau penyakit yang mudah berjangkit atau yang merebak, atau apa-apa hal keadaan lain yang menjelaskan kesihatan banduan yang menghendaki diambil langkah-langkah luar biasa, Pegawai Perubatan hendaklah membuat laporan segera kepada Pegawai yang Menjaga tanpa menunggu masa bagi membuat apa-apa laporan berkala.

#### **Peraturan 243. Pegawai Perubatan hendaklah melaporkan perkara-perkara tertentu**

Pegawai Perubatan hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Pegawai yang Menjaga apa-apa luar aturan di hospital penjara itu yang diketahuinya, dan apa-apa kesulitan atau halangan yang dialaminya pada menjalankan tugas-tugasnya.

#### **Peraturan 244. Peraturan-peraturan hendaklah difahami dengan benar-benar**

Pegawai Perubatan hendaklah menjadikan dirinya memahami benar-benar Peraturan-Peraturan ini dan mematuhi dan hendaklah membantu Pegawai yang Menjaga untuk menjaga ketenteraman dan jagaan selamat banduan.

## **Penggal IV --- Pegawai Pergigian**

### **Peraturan 245. Pegawai Pergigian**

Peraturan-peraturan yang terpakai bagi Pegawai Perubatan hendaklah terpakai, setakat yang boleh, bagi Pegawai Pergigian.

## **Penggal V --- Pegawai Penjara**

### **Peraturan 246. Pengambilan masuk**

- (1) Tiap-tiap orang yang diterima untuk pengambilan masuk sebagai pegawai penjara ke dalam jabatan penjara hendaklah, apabila diterima perkhidmatannya, mematuhi segala terma-terma perkhidmatan.
- (2) Tiap-tiap pegawai penjara hendaklah diberikan suatu kad waran bagi maksud menjalankan tugas mereka.

### **Peraturan 247. Boleh dikenakan berkhidmat di mana-mana penjara**

Semua pegawai penjara yang memasuki jabatan penjara boleh diambil kerja dalam mana-mana bahagian di Malaysia atau mana-mana tempat yang difikirkan wajar oleh Ketua Pengarah untuk mengambilnya bekerja.

### **Peraturan 248. Rumah kerajaan**

- (1) Semua pegawai penjara hendaklah tinggal di rumah kerajaan yang diuntukkan kepada mereka oleh Kerajaan.
- (2) Tiada pegawai penjara boleh tinggal atau tidur di tempat selain rumah kerajaan tanpa kebenaran Pegawai yang Menjaga.
- (3) Tiada pegawai penjara boleh membenarkan mana-mana orang yang bukan anggota biasa rumahnya bermalam di rumahnya tanpa kebenaran Pegawai Pegawai yang Menjaga.
- (4) Ketua Pengarah boleh membenarkan mana-mana kakitangan yang diambil kerja oleh jabatan penjara selain pegawai penjara untuk tinggal dalam rumah kerajaan penjara jika rumah kerajaan itu boleh didapati.

### **Peraturan 249. Pegawai yang sakit**

Mana-mana pegawai yang tidak berupaya menjalankan tugas biasanya oleh sebab sakit hendaklah melaporkan sakitnya itu dengan serta-merta kepada Pegawai yang Menjaga.

## **Peraturan 250. Tidak hadir bertugas**

Seseorang pegawai penjara tidak boleh meninggalkan kawasan penjara semasa waktu bertugas tanpa kebenaran Pegawai yang Menjaga dan sebelum meninggalkan penjara itu pada bila-bila masa dia hendaklah menyerahkan banduan di bawah kawalannya, kunci, senjata dan buku dan lain-lain kepada pegawai penjara yang bertugas berikutnya di tempat yang ditetapkan.

## **Peraturan 251. Memeriksa pegawai penjara**

Tiap-tiap pegawai penjara hendaklah mengizinkan dirinya untuk diperiksa di dalam penjara.

## **Peraturan 252. Mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan, dsb. dan perintah-perintah**

Tiap-tiap pegawai penjara hendaklah mematuhi dengan tegas semua undang-undang bertulis, peraturan, dan perintah tetap yang berhubungan dengan penjara dan hendaklah mematuhi segala perintah yang sah di sisi undang-undang, sama ada bertulis atau lisan, daripada pegawai-pegawai yang lebih kanan daripada mereka dalam perkhidmatan itu.

## **Peraturan 253. Pelawat ke penjara**

Pegawai penjara tidak boleh menerima pelawat di dalam penjara melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Pegawai yang Menjaga.

## **Peraturan 254. Perhubungan yang tidak dibenarkan kepada akhbar**

Tiada seorang pun pegawai penjara atau mana-mana orang yang diambil kerja di penjara boleh membuat apa-apa perhubungan yang tidak dibenarkan berkenaan dengan mana-mana penjara atau banduan kepada mana-mana orang dan tidak boleh, tanpa kebenaran Ketua Pengarah, membuat perhubungan kepada akhbar awam mengenai maklumat yang didapati daripada punca-punca rasmi atau yang berkaitan dengan tugas-tugasnya atau penjara itu, dan apa-apa perhubungan sedemikian oleh seseorang pegawai tanpa kebenaran, akan dianggap sebagai suatu pecah kepercayaan dan akan menyebabkannya boleh dikenakan tindakan tatatertib.

## **Peraturan 255. Fi, ganjaran, dll. yang tidak dibenarkan**

(1) Tiada seorang pun pegawai penjara boleh menerima apa-apa fi atau ganjaran, atau mempunyai apa-apa urusan wang dengan, atau bagi pihak, mana-mana banduan atau mana-mana pelawat bagi mana-mana banduan.

(2) Tiada seorang pun pegawai penjara boleh meminjam wang daripada mana-mana orang yang ada kena mengena dengan sesuatu kontrak bagi membekalkan makanan atau artikel lain bagi kegunaan mana-mana penjara.

## **Peraturan 256. Mempunyai kepentingan dalam kontrak penjara dilarang**

Tiada seorang pun pegawai penjara atau anggota keluarga mana-mana pegawai penjara boleh dengan secara langsung atau tidak langsung mempunyai apa-apa kepentingan dalam apa-apa kontrak atau bekalan yang berkaitan dengan mana-mana penjara dan tidak boleh dengan apa-apa alasan menerima apa-apa fi atau ganjaran daripada mana-mana orang yang ada kena mengena dengan apa-apa kontrak atau bekalan itu.

## **Peraturan 257. Laporan salah laku, dsb.**

Tiada seorang pun pegawai penjara boleh dengan apa-apa alasan gagal membuat sesuatu laporan segera kepada pegawai atasannya mengenai apa-apa perbuatan salah laku atau perbuatan tidak mematuhi Peraturan-Peraturan ini dengan sengaja atau apa-apa cacian atau keadaan tidak senonoh yang diketahuinya.

## **Peraturan 258. Perhubungan dengan saudara-mara banduan**

Tiada seorang pun pegawai penjara boleh menulis surat atau berhubung dengan apa-apa cara dengan rakan atau saudara-mara mana-mana banduan, melainkan jika dibenarkan dengan nyata oleh Pegawai yang Menjaga.

## **Peraturan 259. Surat akuan tidak boleh diberikan kepada banduan**

Tiada seorang pun pegawai penjara boleh memberikan apa-apa perakuan atau surat akuan kepada, atau berkenaan dengan, mana-mana banduan mengenai kelakuannya di penjara atau selainnya.

## **Peraturan 260. Perdagangan dengan banduan**

Tiada seorang pun pegawai penjara boleh menyampaikan apa-apa perhubungan, bungkusan atau artikel kepada atau daripada mana-mana banduan tanpa perintah Pegawai yang Menjaga.

## **Peraturan 261. Tembakau atau arak**

Seseorang pegawai penjara tidak boleh menggunakan tembakau atau arak bersprit atau berperam dalam kawasan mana-mana penjara.

## **Peraturan 262. Pegawai rendah penjara tidak boleh menghukum banduan**

Tiada seorang pun pegawai rendah penjara boleh menghukum seseorang banduan kecuali apabila diperintahkan untuk berbuat demikian.

### **Peraturan 263. Tidak boleh memasuki sel banduan pada waktu malam**

Tiada seorang pun pegawai penjara boleh memasuki sel seseorang banduan pada waktu malam dengan tidak diiringi oleh seorang pegawai lain, kecuali dalam hal yang sungguh-sungguh perlu dan dalam hal keadaan sedemikian dia hendaklah membuat laporan segera kepada pegawai kanan yang menjaga penjara itu dan hendaklah membuat laporan bertulis kepada Pegawai yang Menjaga dengan seberapa segera yang boleh.

### **Peraturan 264. Berbual-bual atau berhubung rapat dengan banduan**

(1) Tiada seorang pun pegawai penjara boleh berbual-bual mengenai perkara yang tidak perlu dengan seseorang banduan atau melakukan apa-apa jua dengan perkataan, gerak geri atau tingkah laku yang boleh mendatangkan kemarahan seseorang banduan.

(2) Tiada seorang pun pegawai penjara boleh membiarkan mana-mana banduan berbaik-baik dengannya atau dengan mana-mana pegawai penjara yang lain atau dalam apa-apa keadaan bercakap tentang tugas-tugasnya atau tentang apa-apa perkara mengenai tatatertib atau perkiraan penjara itu dalam pendengaran banduan itu.

### **Peraturan 265. Aduan atau permohonan oleh banduan**

Seseorang pegawai penjara hendaklah tanpa kelengahan memberitahu Pegawai yang Menjaga atau mana-mana pegawai kanan penjara nama mana-mana banduan yang berhasrat untuk berjumpa dengannya, atau hendak membuat apa-apa aduan, atau untuk membuat apa-apa permintaan kepada pihak berkuasa atasan.

### **Peraturan 266. Jagaan selamat bagi banduan**

Pegawai penjara hendaklah bertanggungjawab bagi jagaan selamat banduan di bawah jagaan mereka, dan bagi maksud ini mereka hendaklah membilang banduan-banduan itu sekurang-kurangnya sekali bagi tiap-tiap setengah jam, setakat yang dibenarkan oleh keadaan, dan sentiasa membilang ---

- (a) apabila menerima tugas menjaga sesuatu kumpulan ;
- (b) apabila menyerahkan tugas menjaga ;
- (c) apabila meninggalkan mana-mana bangunan atau kerja ; atau
- (d) dalam mana-mana hal keadaan lain yang memerlukan banduan itu dibilang.

### **Peraturan 267. Menyerahkan tugas**

Semua pegawai penjara apabila digantikan oleh pegawai lain daripada apa-apa tugas tertentu atau dipindahkan ke bahagian lain penjara itu, hendaklah menyatakan kepada pengantinya perkara yang mustahak berkaitan dengan tugas mereka, dan menerangkan apa-apa arahan pegawai atasan yang menyentuh mana-mana banduan tertentu.

## **Peraturan 268. Kaedah-kaedah berkenaan dengan penggunaan senjata api**

Pegawai penjara hendaklah menjadikan diri mereka mahir dengan peruntukan seksyen 22 Akta dan Perintah Tetap Ketua Pengarah dan apabila membawa senjata api hendaklah menggunakaninya dengan mematuhi secara ketat peruntukan-peruntukan Akta dan Perintah Tetap tersebut.

## **Peraturan 269. Memeriksa kunci**

Pegawai penjara hendaklah memeriksa semua kunci sewaktu menyerahkan atau menerimanya dan melaporkan dengan segera apa-apa yang rosak dan memastikan supaya tiada suatu pun kunci penjara boleh, dalam mana-mana hal keadaan, dibenarkan jatuh ke tangan mana-mana banduan atau orang lain yang tidak dibenarkan.

## **Peraturan 270. Banduan tidak boleh ditinggalkan**

Tiada seorang pun pegawai penjara boleh, semasa menjaga banduan di luar kawasan mana-mana penjara, meninggalkan banduan-banduan itu walau kerana apa-apa apasan sekali pun dari masa mereka keluar dari penjara hingga mereka pulang ke penjara, dan dia tidak boleh bagi apa-apa maksud memasuki mana-mana rumah, setor, halaman atau premis (yang bukan berupa tempat yang ditetapkan bagi pekerjaan banduan itu) dalam tempoh yang dia ditugaskan menjaga banduan-banduan itu.

## **Peraturan 271. Pelawat ke penjara**

(1) Seseorang pegawai penjara yang bertindak sebagai penjaga pintu bagi mana-mana penjara tidak boleh membenarkan mana-mana orang, yang bukan seseorang pegawai penjara atau banduan, memasuki ke dalam penjara itu tanpa kebenaran Pegawai yang Menjaga, yang diberikan secara lisan atau bertulis.

(2) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi ---

- (a) seorang Hakim Mahkamah Persekutuan ;
- (b) seorang Hakim Mahkamah Rayuan ;
- (c) seorang Hakim Mahkamah Tinggi ;
- (d) seorang Hakim Mahkamah Sesyen ;
- (e) seorang Majistret yang mempunyai bidang kuasa di tempat penjara itu terletak ; dan
- (f) mana-mana Hakim Pelawat bagi penjara itu.

(3) Penjaga pintu hendaklah menyimpan suatu rekod berkenaan semua orang selain pegawai penjara yang memasuki ke dalam atau keluar dari penjara itu, dan dia hendaklah meminta semua

orang itu menuliskan nama mereka dalam suatu buku yang diadakan bagi maksud itu.

- (4) Penjaga pintu hendaklah mempunyai kuasa untuk memeriksa mana-mana orang yang memasuki ke dalam dan meninggalkan penjara itu.
- (5) Mana-mana orang yang enggan diperiksa oleh penjaga pintu tidak boleh dibenarkan memasuki premis penjara.
- (6) Penjaga pintu tidak boleh membenarkan mana-mana orang lain selain pegawai penjara memasuki ke dalam penjara itu dengan tidak diiringi oleh seseorang pegawai penjara.
- (7) Penjaga pintu tidak boleh membenarkan mana-mana banduan keluar dari pintu utama itu dengan tidak diiringi oleh seseorang pegawai penjara atau pihak berkuasa lain yang berkaitan.
- (8) Penjaga pintu hendaklah berhati-hati memeriksa perintah-perintah bagi membenarkan masuk rakan banduan dengan memeriksa nama dan kad pengenalan mereka dengan nama dalam perintah itu, dan jika dia tidak berpuashati bahawa perintah itu mengenai orang yang mengemukakan kad pengenalan itu dia hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu kepada Pegawai yang Menjaga untuk mendapatkan arahannya.
- (9) Penjaga pintu hendaklah memastikan nama semua orang kerja yang bekerja dalam penjara itu dan dia hendaklah memberi amaran kepada mereka bahawa mereka tidak dibenarkan bercakap atau memberikan apa-apa kepada mana-mana banduan tanpa kebenaran sepatutnya.
- (10) Penjaga pintu hendaklah memuaskan hatinya bahawa orang-orang kerja yang keluar dari penjara itu adalah juga sama dengan orang-orang kerja yang masuk.
- (11) Penjaga pintu hendaklah menjaga semua surat, bungkusan atau artikel lain yang dikirimkan untuk mana-mana banduan dan dia hendaklah menyerahkannya kepada Pegawai yang Menjaga.
- (12) Penjaga pintu hendaklah memeriksa semua artikel yang dibawa ke dalam penjara, dan hendaklah menahan dan menghalang mana-mana orang yang membawa apa-apa artikel larangan ke dalam penjara itu.
- (13) Penjaga pintu tidak boleh membenarkan apa-apa artikel dibawa keluar dari penjara itu tanpa kebenaran Pegawai Yang Menjaga atau ditunjukkan Pas Pintu yang telah ditandatangani dengan sewajarnya.

### **Peraturan 272. Banduan yang nampaknya uzur**

Tiap-tiap pegawai penjara hendaklah menarik perhatian Pegawai yang Menjaga kepada mana-mana banduan yang nampaknya uzur, sungguhpun dia tidak mengadu yang dia sakit, atau yang keadaan mindanya nampaknya menghendaki perhatian dan jagaan khas, supaya pendapat dan arahan Pegawai Perubatan dalam kes ini didapatkan.

### **Peraturan 273. Tugas tatatertib**

Tiap-tiap pegawai penjara boleh dikenakan tugas menjaga tatatertib, jika dikehendaki.

## **Peraturan 274. Pegawai penjara wanita**

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta, Peraturan-Peraturan dan Perintah Tetap Ketua Pengarah, pegawai penjara wanita hendaklah dilantik memegang apa-apa pangkat, melaksanakan apa-apa tugas, menjalankan apa-apa kuasa, menikmati apa-apa keistimewaan dan tertakluk kepada kuasa dan tatatertib sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta, Peraturan-Peraturan dan Perintah Tetap.

## **BAHAGIAN 22 - PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB DAN LEMBAGA TATATERTIB**

### **Peraturan 275. Pemakaian P.U.(A) 395/93 dan P.U.(A) 396/93**

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 hendaklah terpakai bagi pegawai penjara dan kakitangan yang diambil kerja oleh jabatan penjara.

## **BAHAGIAN 23 - KUMPULAN WANG HADIAH PEGAWAI PENJARA**

### **Peraturan 276. Pentadbiran dan penggunaan Kumpulan Wang**

Kumpulan Wang hendaklah ditadbirkan dan digunakan mengikut peruntukan Akta, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Peraturan-Peraturan ini.

### **Peraturan 277. Wang terakru**

(1) Segala jumlah wang yang terakru kepada Kumpulan Wang itu di bawah subseksyen 60(2) Akta hendaklah dibayar tanpa apa-apa potongan kepada Akauntan Negara dan dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang itu.

(2) Ketua Akauntan Negara hendaklah menyenggarakan akaun Kumpulan Wang dengan sepatutnya.

### **Peraturan 278. Kos pengurusan dan pengendalian**

Apa-apa kos, perbelanjaan atau caj yang dilakukan berkaitan dengan pengurusan atau pengendalian Kumpulan Wang boleh dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa secara bertulis.

### **Peraturan 279. Pembayaran**

Segala pembayaran daripada Kumpulan Wang hendaklah diperakui oleh Pengerusi Jawatankuasa atau jika dia tiada, seorang Pegawai Kanan Penjara yang juga anggota Jawatankuasa.

## **Peraturan 280. Pembayaran hadiah tidak boleh melebihi had tertentu dan hendaklah disiarkan**

- (1) Sesuatu hadiah di bawah perenggan 61(a) Akta tidak boleh melebihi lima ratus ringgit.
- (2) Sesuatu hadiah di bawah perenggan 61(b) Akta tidak boleh melebihi satu ribu ringgit.
- (3) Apa-apa pembayaran hadiah dan sebab bagi hadiah itu hendaklah disiarkan dalam Perintah Tetap Ketua Pengarah.

## **Peraturan 281. Pemberian kepada kumpulan wang kebajikan, pusat rekreasi dan kelab**

Jawatankuasa boleh membuat sesuatu pemberian daripada Kumpulan Wang menurut perenggan 61(c) Akta kepada mana-mana kumpulan wang kebajikan, pusat rekreasi atau kelab pegawai penjara dan pemberian kepada kumpulan wang, pusat rekreasi atau kelab itu tidak boleh melebihi sepuluh ribu ringgit dalam mana-mana tahun kalender.

## **Peraturan 282. Akuan**

- (1) Jawatankuasa atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya secara bertulis hendaklah menyimpan dan menyenggarakan dengan sepatutnya akaun Kumpulan Wang yang hendaklah seimbang dengan akaun yang disenggarakan oleh Ketua Akauntan Negara.
- (2) Kumpulan Wang itu hendaklah berada dalam kredit pada setiap masa dan tidak boleh dikeluarkan secara berlebihan.
- (3) Jawatankuasa hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas 31 Disember setiap tahun, tetapi dalam apa-apa hal tidak lewat daripada 31 Mac tahun kewangan yang berikutnya, mengemukakan kepada Ketua Audit Negara, penyata akaun yang menunjukkan bayaran baki pembukaan, penerimaan bayaran daripada dan baki penutup akaun Kumpulan Wang bagi tahun itu.
- (4) Suatu salinan penyata akaun yang diperiksa dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara hendaklah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Akauntan Negara.
- (5) Akaun Kumpulan Wang hendaklah ditutup apabila ia tidak lagi dikehendaki dan baki kreditnya, jika ada, hendaklah dikreditkan kepada akaun yang berkaitan dengan akaun Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan mengikut subseksyen 9(5) dan 9(6) Akta Tatacara Kewangan 1957.

## **BAHAGIAN 24 – PEMBATALAN**

### **Peraturan 283. Pembatalan**

Kaedah-Kaedah, Peraturan-Peratuan dan pemberitahuan yang berikut dibatalkan :

- (a) Kaedah-Kaedah Penjara 1953 [*P.U. 326 tahun 1953*] ;
- (b) Peraturan-Peraturan Penjara 1958 bagi Sabah [*No. S148*] ;

(c) Kaedah-Kaedah Penjara 1956 bagi Sarawak [*P.W. S. 31/1956*] ; dan

(d) Pemberitahuan skala diet yang diluluskan [*P.U (B) 388/92*].

## JADUAL PERTAMA

(Peraturan 60 dan 66)

### I. DIET HARIAN BAGI SETIAP BANDUAN

Beras (kurang ceruh)	300 g bagi setiap hari
Garam	6 g bagi setiap hari
Minyak sawit	25 g bagi setiap hari
Daging lembu atau kambing atau ikan kering atau ikan hidup	130 g bagi setiap hari
ATAU	
Ayam	170 g bagi setiap hari
ATAU	
Telur	2 biji dua kali seminggu
Sayuran berdaun	160 g bagi setiap hari
Sayur buah	200 g bagi setiap hari
Roti	200 g bagi setiap hari
Teh	50 g untuk 8 orang (bagi setiap hari)
Kopi atau Cokelat	80 g untuk 10 orang (bagi setiap hari)
Gula	30 g bagi satu hari
Marjerin	20 g bagi setiap hari
Jem/Kaya	30 g bagi setiap hari
Susu tepung penuh krim	20 g bagi setiap hari
Pisang	2 biji bagi setiap hari
ATAU	
Betik / Nenas	150 g bagi setiap hari
ATAU	
Limau	150 g bagi setiap hari
CATATAN :	

Sayur buah tidak termasuk labu air dan ketola.

### II. RANSUM KHAS MENGIKUT MENU SAHAJA

Kacanag Dal	10 g bagi setiap orang (dua kali seminggu)
Tow Choo	2 g bagi setiap orang
Bawang	5 g bagi setiap orang
Bawang (merah)	1 g bagi setiap orang
Halia	1 g bagi setiap orang
Bawang putih	1 g bagi setiap orang
Serbuk lada	1 g bagi setiap orang
Asam jawa	4 g bagi setiap orang
Cuka	2 g bagi setiap orang
Belacan	1 g bagi setiap orang
Cili kering	1 g bagi setiap orang
Serbuk cili	1 g bagi setiap orang
Serbuk kunyit	2 g bagi setiap orang
Rempah kari	2 g bagi setiap orang
Kicap cair	2 g bagi setiap orang
Kicap pekat	2 g bagi setiap orang

Serbuk santan 3 g bagi setiap orang

### III. DIET BAGI BANDUAN VEGETARIAN

Diet vegetarian adalah sama seperti diet harian bagi seorang banduan sebagaimana yang diperuntukan dalam perenggan I kecuali :

Sebagai gantian ayam / daging bagi setiap 50 g kacang dalam kali makan

ATAU  
kacang tanah (mentah)  
ATAU  
kacang hijau  
ATAU  
kacang merah

Sebagai gantian ikan hidup  
bagi setiap kali makan 100 g tow foo (keras)  
ATAU

100 g tow foo (keras)  
ATAU

ATAU  
200 g tow foo (lembut)

200 g  
ATAU

Eggs (dua kali seminggu) hendaklah dibekalkan bagi banduan vegetarian yang makan telur

hendaklah dibekalkan  
kelebihan.

bagi b

yang makan telur

1

510 g sehari

510 g senan  
60 g sehari

#### IV. DIET TERHAD BAGI SEMUA BANDUAN

Roti 510 g sehari  
Marjerin 60 g sehari

## JADUAL KEDUA

(Subperaturan 111 (2))

### PELEPASAN SECARA LESEN DI BAWAH SEKSYEN 43

No : .....

Pejabat Ketua Pengarah  
Jabatan Penjara  
Malaysia

Tarikh : .....

Kepada :

Kamu adalah dengan ini dibenarkan dilepaskan secara lesen dari penjara ..... bagi tempoh selama tujuh hari mulai dari ..... atas syarat-syarat yang berikut :

(1) Kamu akan menuju ke ..... (alamat penuh) dan tidak boleh keluar tanpa keizinan saya dari tempat itu.

(2) Kamu akan menahan diri daripada mencabuli undang-undang dan tidak akan bercampur dengan orang-orang yang mempunyai watak jahat.

(3) Kamu akan melaporkan diri semula kepada Pegawai yang Menjaga ..... di ..... mulai ..... pada hari .....

(4) Tiada pelanjutan boleh diberikan dan sekiranya kamu tidak kembali pada masa yang ditetapkan, kamu akan disifatkan telah melakukan suatu kesalahan.

(5) Perhatian kamu dibawa kepada subseksyen 43(2), (3) dan (4) Akta Penjara 1995, yang berbunyi :

" (2) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, ---

(a) mengubahsuai atau membatalkannya syarat yang tersebut dalam subseksyen (1) ; atau

(b) melalui perintah, memanggil balik ke penjara seseorang banduan yang dilepaskan secara lesen di bawah subseksyen (1) tetapi tanpa menjelaskan kuasa Ketua Pengarah untuk melepaskan semula banduan itu secara lesen.

(3) Jika seseorang banduan dipanggil balik di bawah perenggan (b) subseksyen (2), lesennya hendaklah terhenti berkuatkuasa dan dia hendaklah, jika masih bebas, disifatkan bebas dengan menyalahi undang-undang dan apabila disabitkan, bolehlah didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(4) Seseorang banduan yang tidak mematuhi mana-mana syarat lesen yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1) apabila disabitkan, bolehlah didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak

melebihi dua tahun atau kedua-duanya. "

(6) Kamu akan membawa lesen ini semasa tempoh kamu tidak hadir di penjara dan akan mengemukakannya apabila kamu dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai penjara atau pegawai polis.

(7) Kamu akan melaporkan kepada Pegawai yang Menjaga penjara di ..... apa-apa hal keadaan yang kamu mungkin menghendaki bantuan atau nasihat

.....  
*Ketua Pengarah*

*Jabatan Penjara*

*Malaysia*

Syarat-syarat ini yang berhubungan dengan pelepasan saya atas lesen telah dibacakan dan diterangkan kepada saya dan saya memahami syarat-syarat itu.

.....  
*Banduan*

.....  
*Pengawal yang Menjaga*

Dibuat 23 Ogos 2000.

[KDN. S. 171/926/1; PN(PU<sup>2</sup>) 163/IV]

DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI  
Menteri Dalam Negeri

## **SENARAI PINDAAN**

<i>Undang-Undang yang meminda</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Berkuatkuasa dari</i>
P.U.(A) 514/2000	Pembetulan	1 Januari 2000
P.U.(A) 300/2002	Peraturan-Peraturan Penjara (Pindaan) 2002	1 Ogos 2002
P.U.(A) 193/2003	Peraturan-Peraturan Penjara (Pindaan) 2003	12 Mei 2003